

JAWAPAN

UNIT 1

Anda Sihat, Anda Ceria

Kemahiran Membaca

Gaya hidup sihat merupakan amalan yang membawa impak positif kepada individu, keluarga, dan masyarakat. Berdasarkan rajah yang diberikan, terdapat lima langkah mudah untuk mencapai matlamat ini. Langkah pertama ialah jauhi amalan pengambilan bahan-bahan bertoksik seperti rokok, alkohol, dan dadah. Hal ini demikian kerana, kesannya boleh memudaratkan kesihatan untuk jangka masa panjang. Dalam pada itu, elakkan daripada mengambil makanan ringan. Pemilihan makanan yang berkhasiat seperti susu segar, jus buah, dan sayuran mentah hendaklah dididik sejak kecil lagi. Hal ini penting kerana, corak pemakanan yang diamalkan pada waktu kecil ini biasanya akan menjadi tabiat seumur hidup. Di samping itu, setiap orang memerlukan tidur yang mencukupi, iaitu tujuh hingga sembilan jam sehari. Tidur yang berkualiti ini dapat memberikan tenaga untuk pulih daripada ketegangan hari sebelumnya dan membantu untuk kekal cergas sepanjang hari. Langkah yang seterusnya ialah melakukan aktiviti fizikal dalam rutin seharian. Contohnya, melakukan kerja yang melibatkan fizikal dan bersenam. Aktiviti ini menjadikan badan lebih sihat dan cergas serta mengurangkan risiko penyakit. Selain itu, usahalah untuk mengelakkan stres yang melampau. Stres boleh mengganggu kesihatan selain menyebabkan pertambahan berat badan dan pelbagai jenis penyakit. Antara kaedah untuk mengurangkan stres termasuklah bertenang, bernafas dengan dalam, beribadat, bercakap dengan seseorang, berurut, berehat dan mendengar muzik, beriadah, dan berfikir positif. Langkah terakhir ialah mengelakkan makan makanan yang diproses, contohnya sosej, burger, dan mi segera. Pemakanan yang tidak sihat merupakan punca pelbagai jenis penyakit. Amalkan tip ini seumur hidup walaupun amalan ini memerlukan masa untuk menjadi rutin harian.

UNIT 2

Kebersihan Lambang Keperibadian

Kemahiran Menulis

- Bidang sukan bukan sahaja dapat melahirkan ahli sukan sematamata, tetapi juga berperanan untuk memupuk perpaduan antara kaum.
- Aktiviti sukan melibatkan pelbagai etnik yang membuka peluang untuk bekerjasama dan saling memahami di samping mengeratkan hubungan antara satu sama lain.
- Sebarang usaha untuk memantapkan aktiviti sukan sebagai mengukuhkan perpaduan perlu diberikan dokongan dan sokongan oleh setiap lapisan masyarakat.
- Keharmonian negara dapat dicapai jika masyarakat memahami fungsi sukan dalam membentuk perpaduan kaum.
- Perpaduan kaum merupakan suatu misi yang amat penting agar Malaysia dapat mengorak langkah menuju ke arah pembentukan negara bangsa dan menjadi sebuah negara yang mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara maju.

Aspek Tatabahasa

Anda, Kami, kita ; mereka, saya

UNIT 3

Indahnya Menuntut Ilmu

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1. Kerajaan memperkenalkan sistem pendidikan maya di negara kita adalah untuk memartabatkan sistem pendidikan negara agar setanding dengan sistem pendidikan di negara-negara maju.
2. Pendidikan maya dapat ditakrifkan sebagai satu bentuk pendidikan masa depan yang akan memaksimumkan penggunaan teknologi dan maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
3. Ada antara pelajar tidak dapat melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi walaupun memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan kerana kemudahan seperti bilik kuliah dan tenaga pengajar yang agak terhad.
4. Berdasarkan petikan, kebaikan pembelajaran secara maya ini ialah memberikan peluang yang lebih luas kepada masyarakat untuk melanjutkan pelajaran, membolehkan para pelajar mengikuti tutorial tanpa perlu terikat dengan waktu pembelajaran di dalam kelas, memudahkan para pelajar melakukan perbincangan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja, dan turut membuka peluang kepada para pelajar untuk berinteraksi dengan menggunakan Internet yang secara tidak langsung dapat menjimatkan masa para pelajar.

UNIT 4

Ilmu Penyuluh Hidup

Kemahiran Menulis

1. diamalkan
2. sukatan pelajaran
3. hubungan
4. berkesan
5. sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu aktiviti
6. maklumat
7. hasil dan mutu yang diperolehi
8. di bawah jagaan

Aspek Tatabahasa

1. lelabu
2. jejentik
3. tetupai
4. mudah-mudahan
5. Dedaun
6. tetamu
7. orang-orangan
8. mati-matian
9. sesawang
10. selewat-lewatnya

**UNIT
5**

Cita-cita Setinggi Bintang

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Kapten Kamarudin dibesarkan di Sungai Ayer Tawar, di Sabak Bernam, Selangor.
- Cita-cita itu bermula selepas beliau menyertai lawatan ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, Selangor anjuran sekolahnya.
- Selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia, Kapten Kamarudin telah melanjutkan pelajaran pada peringkat asasi di Universiti Malaya.
- Sepanjang bertugas sebagai juruterbang, Kapten Kamarudin berpengalaman dalam menerbangkan pesawat jenis Boeing 737-400, Boeing 747-400, Boeing 777-200, dan Airbus A300.

Kemahiran Membaca

Pada pandangan Aina, untuk menjadi murid yang cemerlang, seseorang itu haruslah cemerlang dalam bidang akademik, kokurikulum, sahsiah, dan kepimpinan. Selain berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik, seseorang murid juga tidak harus mengabaikan suruhan Tuhan dan sentiasa berdoa kepada-Nya. Dalam pada itu, menurut Aina, seseorang murid haruslah sentiasa bersikap sopan dengan orang yang lebih tua serta tidak melakukan perkara yang boleh menjejaskan nama baik diri, keluarga, dan sekolah.

**UNIT
6**

Budi Disemai, Bakti Dituai

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap pekerja pasti mempunyai keinginan untuk mencapai kecemerlangan dalam pekerjaan. Kecemerlangan ini dapat dicapai sekiranya seseorang pekerja itu berusaha untuk memajukan dirinya dan prestasi kerjanya dengan sentiasa menambahkan ilmu, sama ada dari segi teori, praktikal, ataupun penaakulan. Selain itu, mereka juga harus menunjukkan sikap kepimpinan yang tinggi. Pekerja yang cemerlang tidak akan memberikan alasan tetapi sentiasa menunjukkan kesediaan untuk menjadi pemimpin dalam sesuatu organisasi dan berusaha untuk mencapai matlamat syarikat serta mencari strategi untuk mencapai matlamat tersebut. Seseorang pekerja juga haruslah berusaha untuk meningkatkan kecekapan dalam setiap bidang kerjaya yang diceburi. Sekiranya seseorang pekerja itu cekap melakukan tugasannya, maka dia akan dapat melaksanakan tugas, mencari maklumat, atau mengendalikan sesuatu masalah dengan baik. Di samping itu, seseorang pekerja perlulah mempunyai keberanian untuk mengambil risiko, iaitu berani untuk menerima cabaran dan sanggup untuk menerima tugas besar.

Kemahiran Menulis

Kerjaya yang menjadi pilihan saya
Inspektor polis
Kelayakan yang diperlukan
<ol style="list-style-type: none"> 1. Memiliki ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. 2. Tinggi sekurang-kurangnya 1.63 meter bagi lelaki dan 1.57 meter bagi wanita tanpa sepatu. 3. Berat badan sekurang-kurangnya 50 kilogram bagi lelaki dan wanita sekurang-kurangnya 48 kilogram. 4. Mempunyai ukuran indeks jisim badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26.

5. Ukuran lilitan dada biasa 81 cm dan semasa menarik nafas 86 cm bagi lelaki sahaja.
6. Lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji secara berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa atau menggunakan cermin mata atau kanta lekap.
7. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.
8. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

**UNIT
7**

Remaja Berintegriti

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Veera : Seri, kalau tiada apa-apa rancangan pada cuti sekolah ini, marilah kita ke perpustakaan awam.

Seri : Bagus juga. Bolehlah kita membaca buku-buku cerita di sana.

Veera : Selain membaca buku cerita, kita juga boleh mengulang kaji pelajaran. Peperiksaan pun semakin hampir. Jadi kita perlu banyak membaca supaya kita dapat menjawab peperiksaan dengan baik dan seterusnya lulus dengan cemerlang.

Seri : Saya bersetuju dengan kata-kata kamu. Selain itu, amalan membaca ini dapat juga menambahkan kosa kata kita. Sehari selebar benang, lama-lama menjadi kain. Begitulah keadaannya apabila kita membaca, kosa kata kita sentiasa bertambah dan khazanah bahasa seperti peribahasa dan ungkapan menarik semakin kita kuasai.

Veera : Betul Seri. Dalam pada itu, apabila kita dapat memanfaatkan masa kita dengan mengunjungi perpustakaan, kita dapat mengelakkan diri daripada terlibat dalam aktiviti yang tidak berfaedah seperti berbual-bual kosong dan melepak di pusat beli-belah. Semasa di perpustakaan juga kita boleh membaca bahan-bahan ilmiah yang terdapat di perpustakaan.

Seri : Ya, Veera. Pembacaan bahan-bahan ilmiah ini dapat membantu kita menjawab soalan peperiksaan yang berteraskan KBAT.

Veera : Baiklah Seri. Cuti sekolah yang akan datang ini kita akan pergi ke perpustakaan. Saya akan meminta kebenaran daripada ibu bapa saya.

Seri : Baiklah Veera. Saya juga akan meminta kebenaran daripada ibu bapa saya..

Kemahiran Menulis

Belakangan ini, berita tentang gejala rasuah sering terpampang dalam akhbar. Hal ini menunjukkan gejala rasuah semakin menular dalam kalangan masyarakat kita. Rasuah didefinisikan sebagai sogokan atau bermaksud wang yang diberikan oleh orang tertentu kepada pihak lain untuk menyembunyikan sesuatu perkara atau untuk mendapatkan sesuatu dengan cara yang mudah dan cepat tetapi salah mengikut undang-undang negara. Gejala rasuah di Malaysia semakin meningkat dan keadaan ini amat membimbangkan kerana gejala rasuah ini memberikan kesan yang buruk kepada nama baik negara. Rasuah yang berleluasa juga mencemarkan integriti dan maruah Malaysia sekali gus menimbulkan pelbagai kesan negatif.

**UNIT
8**

Integrasi Teras Kehidupan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1. perbuatan memupukkan dan menyebarkan
2. wahana proses belajar

3. kelolaan
4. dua pihak yang saling membantu
5. membangkitkan keinginan
6. sumber intelek yang ada pada seseorang manusia
7. ketua yang terkenal
8. masa muda

Aspek Tatabahasa

1. bukan sahaja; malahan; kepada; lagi
2. akan; mahupun
3. tidak; dan; boleh
4. harus; bagi; antara
5. sangat; sudah; dengan
6. bahawa; paling; dalam



Bahasaku di Persada Dunia

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Pencemaran bahasa merangkumi kesalahan bahasa dan aspek tatabahasa, struktur ayat, ejaan, istilah, penggunaan "bahasa rojak", dan sebagainya. Kini, penggunaan bahasa Melayu yang betul dan gramatis hanya dipandang ringan oleh masyarakat. Bahasa yang dahulunya menjadi "lingua franca" kini kian hilang martabatnya apabila penggunaannya yang membabi buta tidak dikenakan tindakan. Hal ini akan menyebabkan bahasa Melayu menjadi satu bahasa yang rendah martabatnya kerana bangsa yang menggunakan bahasa itu sendiri tidak mempunyai inisiatif untuk memperkasakan bahasa Melayu. Oleh itu, pihak yang berkenaan perlulah mengambil langkah yang proaktif dan efisien agar nilai dan martabat bahasa Melayu dapat dikekalkan.

Kemahiran Menulis

- dilahirkan pada
- mendapat pendidikan awal
- dihantar oleh keluarganya
- mengemukakan pelbagai persoalan
- mencapai kemerdekaan
- penulisan novel
- kesibukannya berkhidmat
- melontarkan idea-idea
- petah berhujah
- perkembangan sastera Melayu
- menjadi seorang sasterawan
- memberikan sumbangan



Indah Sastera, Cantik Bahasa

Kemahiran Menulis

Ayat topik	Panduan	Ayat Huraian
Antara peranan bahasa Melayu adalah sebagai bahasa pengantar dalam sistem	digunakan sepenuhnya di sekolah – terkandung dalam Laporan Razak 1957 dan 1961	Ketetapan bahasa Melayu digunakan sepenuhnya di sekolah sebagai bahasa pengantar terkandung dalam Laporan Razak

pendidikan negara kita.	– berkembang sehingga menjadi bahasa moden – asas pembinaan negara bangsa yang maju dan berdaulat	1957 dan 1961. Hal ini membolehkan bahasa Melayu berkembang menjadi bahasa moden serta mampu menjadi asas pembinaan negara bangsa yang maju dan berdaulat.
Bahasa Melayu juga berperanan sebagai bahasa perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.	digunakan sebagai alat perhubungan dalam kalangan masyarakat – menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum	Bahasa Melayu digunakan sebagai alat perhubungan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Penggunaan bahasa yang sama ini menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum.
Bahasa Melayu juga merupakan bahasa rasmi yang digunakan dalam urusan rasmi di pejabat-pejabat kerajaan negara ini.	menjadi sarana komunikasi dalam bidang pentadbiran – semua urusan rasmi peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, dan badan berkanun	Sebagai bahasa rasmi, bahasa Melayu ditetapkan menjadi sarana komunikasi dalam bidang pentadbiran negara kita. Hal ini mencakupi semua urusan rasmi peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, dan badan berkanun.

Aspek Tatabahasa

A

Sudah dua bulan berlalu. Namun begitu, pengalaman Denitha semasa menyertai pertandingan mendeklamasikan sajak tidak pernah dilupakan oleh Denitha. Pertandingan ini merupakan aktiviti yang paling popular pada "Minggu Bahasa" di sekolahnya. Denitha menghadapi persaingan yang sangat sengit daripada 10 orang pesaing yang hebat belaka. Denitha mendeklamasikan sajak Rahman Shaari yang bertajuk "Anugerah Terindah". Sajak yang indah itu dideklamasikan oleh Denitha dengan baik sekali. Setelah selesai mendeklamasikan sajak itu, Denitha mendapat tepukan yang paling gemuruh daripada para penonton.

B

1. Adik bongsu saya masih kecil.
2. Bapa tidur dengan sungguh nyenyak kerana keletihan.
3. Mereka letih lesu selepas pulang daripada perkhemahan itu.
4. Segala pengalaman pahit manis akan tersimpan dalam kenangannya.
5. Kain batik yang berwarna merah jambu itu sangat cantik.
6. Dia sangat gugup ketika bercakap dengan anggota polis itu.
7. Buku ini mengandungi koleksi sajak yang dihasilkan oleh penyajak yang paling popular di negara ini.
8. Siti Suraya telah mendeklamasikan sajak itu dengan begitu baik sekali.


UNIT 11

Sejarah Kita

Kemahiran Membaca

1. Bangunan yang didirikan pada tahun 1910 ini mempunyai ciri-ciri seni bina Mughal.
2. Bangunan ini turut merangkumi sebuah hotel, iaitu Hotel Stesen.
3. Stesen ini masih beroperasi walaupun stesen utama Kuala Lumpur telah berpindah ke KL Sentral.
4. Stesen ini merupakan antara lokasi bergambar yang popular di sekitar Kuala Lumpur.

Aspek Seni Bahasa



UNIT 12

Pustaka Tanah Air

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1. Wayang kulit merupakan teater tradisional yang menggunakan prinsip cahaya dan bayang.
2. Pelbagai bentuk dan jenis wayang kulit boleh didapati di Asia.
3. Persembahan wayang kulit selalunya diiringi oleh satu kumpulan muzik puaan atau gamelan dan juga alat tiupan dan alat bertali.
4. Pada asasnya, kesemua bentuk atau jenis wayang kulit yang terdapat di Semenanjung Malaysia mempunyai pengaruh sama ada dari Jawa atau Patani.
5. Walau bagaimanapun, aliran cerita, bentuk patung, dan watak masih lagi mengekalkan keaslian dan pengaruh asalnya.


Aspek Seni Bahasa

Malim Kundang anak yang derhaka,
 Ibu kandung diherdik dan diusir,
 Ibu yang membesarkan kamu dicaci,
 Walhal wanita itulah membesarkan kamu,
 Malah dihalau ibu tua itu dengan biadap,
 Dengan sedih kedua-dua tangan diangkat,
 Petir berdentam-dentum, angin bertiup kencang,
 Sumpahan ibu menjadi kenyataan,
 Malim Kundang serta seisi kapal menjadi batu.

UNIT 13

Warna-Warni Budaya

Kemahiran Mendengar dan Bertutur



Kemahiran Membaca

Rangkap 1

Hari Guru diraikan untuk mengingatkan guru-guru akan tanggungjawab mereka, iaitu memikul amanah mendidik anak bangsa supaya menjadi manusia yang berguna kepada bangsa dan negara.

Rangkap 2

Di samping itu, pada Hari Guru, para guru sendiri dituntut untuk muhasabah diri sama ada keazaman mereka menjadi guru yang berwibawa masih lagi kukuh atau tidak. Adakah mereka telah menaburkan bakti dengan penuh semangat atau mereka gagal melakukannya kerana halangan tertentu?

Rangkap 3

Pada Hari Guru, kedengaran kata-kata pujian diucapkan untuk menghormati dan mengenang jasa guru.

UNIT 14

Segalanya Bermula di Sini

Kemahiran Menulis
Pendahuluan

Permainan tradisional ialah permainan yang diperkenalkan dan dimainkan oleh masyarakat dahulu untuk mengisi masa lapang. Antara permainan tradisional seperti layang-layang, congkak, dan batu seremban masih dikenali oleh masyarakat sehingga hari ini. Namun demikian, permainan tradisional jarang mendapat tempat dalam kalangan generasi muda kerana adanya permainan elektronik. Oleh hal yang demikian, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk mempopularkan permainan tradisional ini.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan perlu bekerjasama dalam usaha mempopularkan permainan tradisional ini. Masyarakat pula perlu menyokong usaha pelbagai pihak dalam mempopularkan permainan tradisional. Usaha yang berterusan penting supaya generasi muda dapat mengenali dan meminati permainan tradisional. Permainan tradisional ibarat tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas sekiranya dimanfaatkan oleh pelbagai pihak.

Aspek Tatabahasa

- (a) Ibu memberi adik wang saku sebanyak RM2.
(b) Saya memberikan buku itu kepada adik saya.
- (a) Ayah menghadahi kakak sebuah komputer riba.
(b) Deva telah menghadahi sebuah basikal kepada anaknya.
- (a) Saya membeli baju ini dengan harga yang mahal.
(b) Abang membelikan saya sepasang kasut yang cantik.
- (a) Dia mendekati Cikgu Ramlan untuk bertanya tentang soalan itu.
(b) Kakak mendekati sajian kuih-muih itu kepada para tetamu.
- (a) Dia telah mengangkat batu yang berat itu.
(b) Ahli pengakap itu mengangkat topinya sebagai tanda hormat ketika upacara lintas hormat.
- (a) Rozita sedang sibuk menghidangi tetamu yang berkunjung ke rumahnya.
(b) Ibu menghidangkan nasi ayam yang dimasaknya tadi di atas meja.
- (a) Atika ke Putrajaya untuk menemui kakaknya yang menetap di sana.
(b) Doktor di hospital itu telah menemukan cara mengubati penyakit itu.
- (a) Tugu itu dibina bagi memperingati para pejuang yang telah berkorban untuk negara.
(b) Ibu memperingatkan saya supaya pulang awal ke rumah hari ini.

UNIT 15 Keselamatan Diri

Aspek Tatabahasa

- peka pada keadaan – peka akan keadaan
- kenalpasti – kenal pasti
- untuk ke – ke
- Pihak berkuasa arahkan – diarahkan oleh pihak berkuasa
- terkini cuaca – terkini tentang cuaca
- perabut taman – perabot taman
- mengelakkan dihanyutkan – mengelakkan daripada dihanyutkan
- dalam – di dalam
- semua peralatan – peralatan
- jika sekiranya – jika / sekiranya

UNIT 16 Anda Prihatin, Anda Selamat

Cara-cara untuk mengelakkan daripada diragut

- Melengkapkan diri dengan langkah-langkah keselamatan

- Sentiasa peka tentang bahaya jenayah ragut
- Mengelakkan daripada berjalan sendirian
- Mengawasi orang-orang yang mencurigakan
- Memegang beg tangan dengan cara yang betul
- Tidak memakai barang kemas secara berlebihan

Aspek Seni Bahasa

Sajak Pada Sekuntum Mawar	Tema	Peringatan kepada gadis remaja akan kepentingan menjaga kesucian diri.
	Persoalan	(a) Ketinggian harga diri seseorang gadis. (b) Kehidupan seseorang gadis yang tidak menjaga maruah diri akan menjadi gelap. (c) Kepentingan menjaga kesucian diri melalui keimanan yang teguh.
	Nilai	(a) Kasih sayang – Memelihara maruah diri demi kasih sayang terhadap keluarga. (b) Berhemah tinggi – Seseorang gadis haruslah bersopan dan menjaga tingkah laku.
	Pengajaran	(a) Kita hendaklah menjaga kehormatan diri pada setiap masa kerana harganya tidak ternilai. (b) Kita haruslah mempunyai keimanan yang teguh agar maruah diri tidak tergadai. (c) Janganlah kita hanyut dengan godaan dunia sehingga menggadaikan maruah diri sendiri.

UNIT 17 Sukan Milik Semua

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kawan-kawan, saya memohon maaf kerana tidak dapat menghadiri sesi latihan pada petang semalam. Saya berasa kecewa kerana tidak dapat bersama-sama kalian semalam. Sebenarnya, saya telah mengikut ibu dan ayah saya balik ke kampung kerana ada kematian. Maafkan saya kawan-kawan.

Kemahiran Menulis

Langkahku memecut di medan perlumbaan,
Tepukan gemuruh membakar semangatku,
Tanpa bimbingan guru, tanpa galakan dan doa ayah ibu,
Sukar untuk aku meraih kejayaan ini,

Aku tidak akan menghampakan mereka,
Akan aku cuba sedaya upaya,
Menjadi juara dalam perlumbaan ini,
Aku tahu penat lelahku tidak akan mensia-siakan harapanku,
Sesungguhnya aku yakin,
Akulah orang yang pertama melepasi garisan penamat.

**UNIT
18**

Seronoknya Beriadah

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Maafkan saya, Nurin. Petang ini, saya ada aktiviti berbasikal di Bukit Saujana. Marilah ikut serta. Banyak faedah yang akan kita peroleh.
- Aktiviti berbasikal? Macam menarik, tetapi apa faedahnya, Atira?
- Banyak faedahnya. Selain dapat memenuhi masa lapang kita, aktiviti ini dapat menjadikan badan kita sihat dan cergas. Sekiranya badan kita sihat, maka perkembangan otak akan berlaku dan seterusnya kita lebih mudah menerima pelajaran yang diajarkan oleh guru-guru.
- Benar, Nurin. Selain badan kita cergas, kita dapat juga menambahkan kenalan. Hal ini demikian kerana, aktiviti berbasikal yang saya sertai ini diadakan secara berkumpulan. Dengan itu, sikap kerjasama, tolak ansur, dan perpaduan dapat dipupuk dalam kalangan kami.
- Wah, menarik! Saya akan meminta izin daripada ibu saya dahulu. Selepas itu, saya akan hubungi Atira.

Kemahiran Menulis

Sukan memberikan manfaat kepada kelompok masyarakat yang bernaung di bawahnya. Kini, aktiviti sukan telah mengalami zaman peralihan fungsi asalnya, iaitu memberikan kesihatan kepada tubuh badan, bertukar menjadi kegiatan fizikal yang dipertandingkan untuk mencapai kemenangan. Memang pada asalnya, sukan dikatakan boleh menyihatkan tubuh badan, tetapi kini telah menjadi aset sesebuah negara dalam memelopori kemasyhuran. Ternyata sukan dapat membantu negara mengharumkan namanya di persada dunia.

Dari segi ekonomi pula, sukan telah membuka satu lagi hubungan erat antara sukan, media, dan syarikat pengiklanan. Syarikat-syarikat televisyen berlumba-lumba untuk membuat liputan secara langsung sesuatu acara sukan dan tidak ketinggalan juga syarikat pengiklanan yang tidak putus-putus mahu menjadi penaja utama. Bagi negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum seperti Malaysia, sukan dapat digunakan sebagai alat integrasi dalam usaha menyatupadukan segenap lapisan masyarakat. Hal ini tidak menghairankan kerana kegiatan sukan yang melibatkan pelbagai kaum dan etnik telah menyediakan peluang untuk mereka sentiasa bekerjasama, saling memahami, dan menyemai konsep memerlukan antara satu sama lain.

Selain itu, jalinan politik antara negara dapat juga diperkukuh dengan pelbagai temasya sukan yang dianjurkan seperti Piala Dunia, Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan SEA, dan tidak kurang temasya sukan pada peringkat kebangsaan seperti SUKMA. Bagi sukan pada peringkat sekolah, sukan telah memanfaatkan masa murid-murid yang terluang daripada mengisi masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah.

**UNIT
19**

Kenali Malaysia

Kemahiran Menulis

Ayat Topik	Industri pelancongan menyediakan peluang pekerjaan yang lebih luas dalam sektor tersebut.
Ayat Huraian	Perkembangan industri pelancongan meningkatkan permintaan tenaga kerja yang terlatih dan berpengalaman dalam industri ini pada peringkat pengurusan dan penyediaan.

Ayat Contoh	Sebagai contoh, industri pelancongan merupakan antara industri yang memerlukan tenaga kerja yang banyak seperti pekerja hotel, pemandu pelancong, dan pekerja kedai kraf tangan.
Ayat Penegas	Oleh itu, peluang pekerjaan yang berasaskan pelancongan mampu mengurangkan kadar pengangguran di negara kita serta meningkatkan taraf hidup rakyat.

**UNIT
20**

Cintai Malaysia

Kemahiran Membaca

Perkataan	Makna
1. wujud	benda yang nyata
2. kubah	atap atau bumbung yang melengkung menyerupai separuh bulatan
3. stalagmit	isi batu kapur yang berceran-cang dari bahagian bawah di dalam gua
4. stalagtit	isi batu kapur yg menjulur ke bawah dr bumbung gua
5. gergasi	sejenis makhluk seperti manusia yang sangat besar
6. memelihara	menjaga dengan baik
7. titi	jambatan kayu kecil yang diperbuat daripada batang kayu
8. lasak	dapat dipakai lama
9. khazanah	tempat menyimpan harta benda
10. komunis	orang yang mengikut dan mengamalkan faham komunisme

**UNIT
21**

Indahnya Ukhuwah

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Perlawanan persahabatan bola sepak antara Kelab Rukun Tetangga Taman Mutiara dengan Kelab Keluarga Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara menjadi landasan terbaik dalam mengeratkan hubungan penduduk Taman Mutiara dengan pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara yang diadakan pada 16 Mei 2019. Dalam pada itu, perlawanan persahabatan ini dapat meningkatkan kemahiran pemain kedua-dua pasukan. Di samping itu, inisiatif pihak penganjur ini juga memberikan ruang kepada remaja mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti yang berfaedah. Oleh itu, perlawanan persahabatan seumpama ini perlu diadakan untuk kebaikan semua pihak.

Kemahiran Membaca

Antara pesanan yang terdapat dalam petikan di atas ialah setiap remaja mestilah mengamalkan dan menerapkan semangat perpaduan dalam kalangan rakan sebaya. Mereka hendaklah menunjukkan sikap saling menghormati rakan-rakan yang berbeza latar belakang budaya dan agama. Selain itu, remaja juga mestilah mengasimilasikan budaya pelbagai kaum dalam kehidupan seharian. Selanjutnya, remaja hendaklah mengelakkan diri daripada mementingkan diri dan bersikap mementingkan kelompok etnik sendiri.

Kemahiran Menulis

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, dan sebagainya. Masyarakat berbilang kaum ini mempunyai agama, kebudayaan, dan kepercayaan masing-masing. Oleh itu, perpaduan kaum penting diamalkan dalam kalangan mereka untuk mengelakkan persengketaan.

Dalam pada itu, perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia penting untuk mengekalkan kemerdekaan negara. Generasi terdahulu telah bersusah payah untuk mendapatkan kemerdekaan. Masyarakat berbilang kaum yang menduduki Tanah Melayu ketika itu telah berganding bahu untuk menuntut kemerdekaan daripada pihak Inggeris. Kesannya, masyarakat kini hidup harmoni tanpa gangguan penjajah.

Selain itu, perpaduan kaum dapat menyemarakkan semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Semangat kekitaan penting untuk menjayakan sesuatu program bersama-sama. Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan pembangunan negara dapat dijalankan dengan jayanya. Oleh itu, semangat kekitaan penting untuk mengekalkan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Di samping itu, perpaduan dapat membangunkan ekonomi negara. Perpaduan yang ditunjukkan oleh masyarakat Malaysia akan menarik minat pelancong asing untuk melancong ke negara kita. Hal ini demikian kerana, mereka ingin mengenali dengan lebih dekat lagi budaya masyarakat Malaysia yang berbeza kaum dan agama, tetapi dapat hidup dengan aman dan harmoni. Hal ini akan menyebabkan ekonomi negara akan berkembang kerana pengaliran wang asing masuk ke negara kita semakin meningkat.

Sehubungan itu, perpaduan dapat juga menaikkan imej negara di mata dunia. Perpaduan kaum membuktikan bahawa pemimpin Malaysia dapat memerintah dengan baik hasil kerjasama antara semua kaum tanpa sebarang permasalahan. Banyak negara luar yang ingin mencontohi Malaysia dalam mentadbir negara. Imej yang baik ini telah membolehkan Malaysi terpilih sebagai pengerusi dalam beberapa badan pertubuhan antarabangsa.

Kesimpulannya, masyarakat Malaysia juga perlu memainkan peranan dalam memupuk perpaduan kaum supaya negara kekal dalam kemerdekaan. Rakyat Malaysia perlu mengamalkan sikap bertolak-ansur dalam semua perkara untuk menjaga perpaduan kaum.

Aspek Tatabahasa

A

Kesalahan	Pembetulan
1. sebidang	sebatang
2. bilah	das
3. sebuah	sebatang
4. sekeping	sehelai

B

Kesalahan	Pembetulan
1. biji	buah
2. bentuk	buah
3. urat	utas
4. utas	bentuk

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- bahasa kebangsaan; dimartabatkan; pentadbiran negara
- era globalisasi; bertamadun; perbualan seharian
- kesedaran; jati diri; bahasa ibunda
- memanfaatkan; perpaduan rakyat; bahasa jiwa bangsa

Aspek Tatabahasa

- Ayat penyata
 - Majlis pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan telah diadakan pada 12 Oktober 2020.
 - Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan telah diadakan pada pukul 9.00 pagi.
- Ayat seruan
 - Eh, Menteri Besar Kedah telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan!
 - Wah, pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sempena Bulan Bahasa Kebangsaan!
- Ayat tanya
 - Di manakah Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan telah diadakan?
 - Siapakah yang telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2020?
- Ayat perintah
 - Jangan lepaskan peluang untuk menyertai pelbagai aktiviti yang akan diadakan sempena Bulan Bahasa Kebangsaan.
 - Tolong beritahu rakan-rakan kamu tentang tarikh majlis pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan pada tahun ini.

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970.
- Rukun Negara diisytiharkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-IV, iaitu Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin.
- Rukun Negara dibentuk untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.
- Lima prinsip yang terdapat dalam Rukun Negara ialah Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang, dan Kesopanan dan Kesusilaan.
- Pada pendapat saya, kepentingan pembentukan Rukun Negara adalah untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Selain itu, Rukun Negara penting untuk mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa.

Aspek Seni Bahasa



Kemahiran Membaca

Isi-isi Tersurat

1. Hari Keusahawanan Sekolah diadakan untuk menambahkan wang tabungan persatuan dan kelab sekolah ini.
2. Aktiviti ini dapat memberikan manfaat kepada pihak sekolah kerana sebahagian keuntungan yang diperolehi dapat digunakan untuk menceriakan dan melestarikan kawasan sekolah.
3. Aktiviti ini mampu menyemaikan budaya niaga kepada murid-murid.
4. Aktiviti ini dapat membina keyakinan diri apabila mereka menghadapi cabaran dan rintangan dalam perniagaan.
5. Aspek budaya saing keusahawanan dapat dipupuk sejak kecil dalam kalangan usahawan muda.

Kemahiran Menulis

Isi 1

- Antara faktor kejayaan seorang usahawan ialah penguasaan ilmu perniagaan..
- Hal ini di katakan demikian kerana, tanpa penguasaan ilmu perniagaan kita mudah ditipu dan ditindas oleh golongan lintah darat. Kita juga boleh menjalankan kajian tentang cara untuk memperoleh keuntungan yang maksimum pada setiap tempoh perniagaan.
- Antara bidang keilmuan yang boleh diceburi untuk mendalami dunia keusahawanan ialah Sains Akuatori, Prinsip Perakaunan, Ekonomi Asas , dan Matematik Perniagaan.
- Memang tidak dinafikan bahawa penguasaan ilmu perniagaan membolehkan kita menjadi seorang usahawan yang berjaya.


Isi 2

- Selain itu, faktor yang paling dominan ialah modal yang mencukupi.
- Modal terbahagi kepada dua, iaitu modal wang dan modal fizikal. Modal wang merupakan modal yang boleh dcairkan untuk mengeluarkan sesuatu produk yang menelan kos. Modal fizikal pula ialah mesin, bangunan kilang, dan bahan mentah. Tanpa ketiga-tiga objek ini, usahawan tidak akan dapat mengeluarkan produk yang menguntungkan. Ganjaran kepada pemilik modal ialah faedah atau dikenal sebagai bunga.
- Modal boleh diperolehi melalui pinjaman bercagar atau dikenal sebagai pinjaman persendirian dari bank-bank perdagangan. Selain itu, wang modal boleh juga dimohon daripada agensi kerajaan seperti MARA, TEKUN, dan Pusat Urus Zakat.
- Tegasnya, modal yang mencukupi akan menjamin kejayaan seseorang usahawan dalam bidang keusahawanan.

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Sekiranya saya ingin membuat pelaburan, saya akan memilih pelaburan melalui produk PNB. Hal ini demikian kerana, pelaburan ini berisiko rendah kerana dijamin oleh kerajaan Malaysia. Selain itu, dividen yang ditawarkan juga agak tinggi, iaitu antara 7 hingga 8 peratus setahun.

Kemahiran Menulis



Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Razali : Apakah maksud pertanian bandar?

Ethan : Pertanian bandar bermaksud penduduk bandar menanam sayur-sayuran atau tanaman makanan di sekitar kediaman mereka.

Razali : Mengapakah kerajaan memperkenalkan program pertanian bandar ini?

Ethan : Kerajaan memperkenalkan program pertanian bandar ini untuk mengurangkan beban kos sara hidup penduduk bandar.

Razali : Pada pendapat Ethan, apakah jenis sayur-sayuran yang boleh ditanam dalam program pertanian bandar ini?

Ethan : Jenis sayur-sayuran yang boleh ditanam dalam program pertanian bandar ini ialah cili, tomato, daun kari, serai, dan sebagainya.

Razali : Apakah kebaikan program pertanian bandar?

Ethan : Kebaikan program pertanian bandar ialah penduduk di bandar dapat menanam dan mengeluarkan bahan makanan sendiri bagi menampung keperluan harian.

Selain itu, mereka dapat mengurangkan kos sara hidup. Dalam pada itu, penduduk bandar dapat menambahkan pendapatan sampingan melalui lebih pengeluaran hasil pertanian.

Razali : Terima kasih, Ethan kerana sudi berkongsi maklumat dengan saya tentang program pertanian bandar.

Ethan : Sama-sama.

Kemahiran Membaca

Idea Utama	Idea Sampingan
Faedah pertanian ialah negara akan menerima pendapatan yang bukan sahaja tinggi malah stabil pada setiap tahun	Pendapatan negara yang stabil akan menjadikan negara tidak mengalami masalah kemelesetan ekonomi.
Perkembangan pesat dakan sektor pertanian telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.	Secara tidak langsung, kewujudan peluang kerja dapat menjamin masa depan pekerja dan taraf hidup mereka akan menjadi lebih baik.
Sektor pertanian penting untuk memastikan sekuriti bekalan makanan yang mencukupi kepada masyarakat	Memandangkan hal itu, kerajaan mahu mengurangkan kebergantungan hasil pertanian dari negara luar.



UNIT 28 Di Tanah dan di Air

Kemahiran Menulis

Sektor pertanian merupakan sektor penting kerana sektor ini ialah pembekal makanan dan sumber bahan mentah kepada penduduk di dunia. Di Malaysia, sektor pertanian merupakan sektor penting yang menyumbang bahan makanan kepada rakyat. Sektor pertanian turut membolehkan Malaysia mengeksport makanan ke negara-negara lain. Memandangkan sektor pertanian banyak mempunyai kebaikan, maka pelbagai langkah perlu diambil untuk meningkatkan sektor pertanian di negara ini.

Aspek Tatabahasa

- | | |
|-------------------------|-----------------------|
| 1. betul, baik, bermutu | 6. serius, sistematik |
| 2. terbuka, banyak | 7. cepat, tinggi |
| 3. utama | 8. baharu, intensif |
| 4. komited, cerah | 9. cergas |
| 5. mudah, cepat | 10. panjang |



UNIT 29 Hebatnya Teknologi

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Anda : Saya tidak bersetuju sekiranya murid-murid dibenarkan untuk menggunakan telefon bimbit di sekolah kerana penggunaan telefon bimbit dalam kalangan murid di sekolah banyak membawa implikasi negatif.

Rakan : Betul. Murid-murid yang menggunakan telefon bimbit di sekolah akan leka dan tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru di dalam kelas. Selain itu, bunyi telefon bimbit juga akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Anda : Di samping itu, membawa telefon bimbit ke sekolah akan meningkatkan kes kecurian di sekolah. Murid-murid sering menjadikan telefon bimbit sebagai lambang status diri mereka. Oleh itu, kebanyakan murid suka membeli telefon bimbit yang berharga tinggi. Namun begitu, terdapat segelintir murid yang panjang tangan. Lebih membimbangkan lagi apabila terdapat murid yang mengugut dan merompak telefon murid-murid yang lebih muda daripada mereka. Keadaan ini akan meningkatkan kes buli dan seterusnya membebankan guru-guru.

Rakan : Selain itu, pembelajaran di dalam kelas juga akan terganggu jika murid dibenarkan membawa telefon bimbit ke sekolah. Hal ini demikian kerana, murid-murid akan menghantar pesanan melalui sistem pesanan ringkas, malah berbual-bual dengan rakan-rakan mereka secara maya. Keadaan ini bertambah buruk apabila telefon bimbit dijadikan alat untuk meniru semasa peperiksaan. Murid-murid akan bertukar jawapan melalui sistem pesanan ringkas.

Anda : Oleh itu, saya berpendapat bahawa penggunaan telefon bimbit di sekolah oleh murid-murid merupakan suatu cadangan yang tidak baik.

Rakan : Ya, saya bersetuju dengan pendapat kamu.

Kemahiran Menulis

Kesalahan	Pembetulan
1. adalah	ialah
2. hentakkan	hentakan
3. 1.8 Meter	1.8 meter
4. sharikat	syarikat
5. eletrik	elektrik
6. Daripada	Dari
7. spesifikasi	spesifikasi
8. pemproses	pemprosesan
9. celcius	Celsius
10. Oleh kerana	Oleh sebab



UNIT 30 Dunia Kreativiti

Kemahiran Membaca

Kreativiti dan inovasi amat penting bagi seseorang usahawan dan juga sesebuah perniagaan. Dalam dunia perniagaan yang persaingannya semakin sengit, unsur kreativiti dan inovasi dapat menjamin perniagaan tersebut berterusan dan memperoleh keuntungan serta memenuhi cita rasa manusia yang berbeza dan pelbagai.

Aspek Seni Bahasa

Dunia semakin canggih,
Kerja yang susah, kini semakin senang,
Orang yang jauh, kini semakin dekat,
Semuanya kerana ledakan teknologi canggih,
Semakin berkembang setiap minit,
Telefon pintar, komputer riba,
Semua maklumat dihujung jari,
Manusia semakin berpengalaman,
Namun begitu, nilai kasih sayang semakin terhakis.

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Punca-punca yang menyebabkan pencemaran sungai ini perlulah diteliti dengan lebih mendalam agar usaha-usaha menangani masalah pencemaran ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Pihak kerajaan seharusnya mengambil langkah yang proaktif dengan mengadakan lebih banyak kempen kesedaran tentang kepentingan penjagaan sungai. Malah pihak yang berwajib juga seharusnya mengenakan denda yang lebih tinggi kepada pihak-pihak yang melakukan pencemaran sungai serta mengadakan pemantauan yang lebih kerap terhadap kualiti air sungai di negara kita, bak kata pepatah mencegah lebih baik daripada mengubati. Dalam pada itu, pihak berkuasa seperti pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar perlu membuat rondaan yang lebih menyeluruh di kawasan sungai yang dikatakan berisiko tinggi untuk tercemar. Semua tindakan ini akan memberikan amaran kepada pihak yang mencemarkan sungai bahawa aktiviti mereka sedang dipantau oleh pihak berkuasa sepanjang masa..

Kemahiran Membaca

1. Ayah berharap agar anaknya menjaga tingkah laku dan menjadi insan yang berhemah tinggi.
2. Ayah menasihati anaknya supaya mengikut nasihat yang diberikan dan janganlah bersikap malas.
3. Ayah menasihati anaknya supaya bertindak dengan betul dan rajin bekerja sekiranya dilantik sebagai pemimpin.
4. Ayah menasihati anaknya supaya ikhlas melakukan kebajikan tanpa mengharapkan sebarang balasan.
5. Ayah menasihati anaknya supaya tidak malas menuntut ilmu. Ilmu yang dituntut itu hendaklah ilmu yang betul seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Kemahiran Menulis

Pencemaran air akan menjejaskan kualiti air. Hal ini demikian kerana, bahan-bahan toksik yang bercampur dengan air sungai atau tasik, secara langsung akan menyebabkan kandungan nitrat yang berlebihan dalam air minuman dan boleh menjejaskan kesihatan manusia. Sehubungan itu juga, kerajaan akan menanggung kos rawatan air yang pastinya akan meningkat oleh sebab kualiti air yang sudah tercemar ini. Selain itu, pencemaran air juga akan menyebabkan kemusnahan hidupan akuatik. Hal ini disebabkan sumber air akan dicemari oleh logam berat, racun makhluk perosak, pencemaran organik, dan peningkatan kelodak dalam air. Seterusnya, pencemaran air juga menyebabkan keindahan kawasan pelancongan akan terjejas. Pantai-pantai yang dipenuhi sampah sarap menjengkelkan dan tidak indah untuk dipandang. Hal ini akan menyebabkan sektor pelancongan akan mengalami kerugian.

Kemahiran Menulis

Pendahuluan:

hutan merupakan khazanah yang amat bernilai – membekalkan pelbagai sumber kepada negara, termasuk kayu-kayan yang bermutu tinggi – aktiviti pembalakan yang tidak terkawal memberikan pelbagai kesan negatif, terutama terhadap alam sekitar

Isi-isi penting:

- (a) menyebabkan kemusnahan habitat dan ekosistem – hutan merupakan habitat pelbagai spesies flora dan fauna – aktiviti pembalakan yang berleluasa memusnahkan habitat tersebut – haiwan hutan kebuluran dan mati kerana kekurangan sumber air
- (b) peranan hutan sebagai kawasan tadahan air semula jadi tidak dapat berfungsi dengan baik lagi – akar pokok tidak dapat menyerap dan menapis air
- (c) menyebabkan kejadian tanah runtuh – aktiviti pembalakan yang tidak dirancang menyebabkan struktur tanah longgar dan tidak stabil – akibatnya, tanah mudah runtuh terutama pada musim hujan menyebabkan kesan geomorfologi – seperti luluhawa – tanah yang kehilangan pencengkam mudah terhakis dan bertindak balas terhadap proses semula jadi yang lain
- (d) mengubah cuaca dunia atau pemanasan setempat – suhu persekitaran meningkat kerana ketiadaan pelindung yang menghalang pancaran matahari – gas karbon dioksida dalam atmosfera berlebihan – menyebabkan hujan berkurangan – udara kering dan cuaca menjadi panas

Penutup:

semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing untuk melestarikan alam hijau nan segar – kita meminjam alam sekitar daripada generasi akan datang – oleh yang demikian, alam sekitar harus dijaga dengan sebaik-baiknya

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Denitha : Wah, nampaknya penerbitan filem animasi di Malaysia semakin berkembang pesat!

Sasikala : Ya, Denitha. Hal ini demikian kerana, rakyat Malaysia kini sangat berbakat dan mempunyai idea yang kreatif selari dengan kecanggihan teknologi perfileman.

Denitha : Benar Sasikala. Bidang animasi di Malaysia bukan suatu bidang yang baharu lagi dan asing dengan masyarakat Malaysia. Bidang ini mempunyai nilai potensi sangat besar kerana bidang ini amat dekat dengan dunia kanak-kanak.

Sasikala : Saya masih ingat lagi, animasi di Malaysia bermula sejak tahun 1978 melalui animasi pertama, iaitu Hikayat Sang Kancil, garapan Anandam Xavier dan sekitar 1990-an, industri animasi semakin mendapat tempat melalui siri-siri animasi seperti Usop Sontorian, Kluang Man, Anak-Anak Sidek, dan banyak lagi. Kini, antara produk yang menjadi kebanggaan Malaysia ialah siri animasi Upin dan Ipin, Boboiboy, dan Saladin. Filem animasi ini bukan hanya gemar ditonton oleh kanak-kanak, malah orang dewasa turut meminatinya.

Denitha : Maka sebab itulah rata-rata stesen televisyen di Malaysia tidak ketinggalan dalam menyiarkan pelbagai program animasi. Walau bagaimanapun, selain menjadi hiburan, karya-karya animasi kanak-kanak ini banyak menerapkan nilai-nilai murni melalui watak-watak yang ditonjolkan dan susunan plot yang mampu memberikan kesan kepada masyarakat umumnya dan kanak-kanak khususnya.

Sasikala : Betul Denitha. Semoga industri filem animasi Malaysia terus mencipta sesuatu bermanfaat untuk masyarakat dengan mengambil perhatian serius terhadap pembentukan modal insan berkualiti melalui karya-karya yang dihasilkan.

Kemahiran Membaca

Idea utama 1	Sektor perindustrian dapat meningkatkan pendapatan negara.
Idea sampingan 1	Aliran wang masuk ke dalam negara dapat ditingkatkan apabila negara mengeksport barangan perindustrian ke luar negara.
Idea utama 2	Sektor perindustrian menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.
Idea sampingan 2	Peluang pekerjaan semakin bertambah apabila lebih banyak bidang perindustrian diterokai di negara kita.
Idea utama 3	Sektor perindustrian boleh memajukan sektor pertanian.
Idea sampingan 3	Kemajuan bidang perindustrian turut merangsang perkembangan sektor pertanian.
Idea utama 4	Sektor perindustrian mampu meningkatkan imej negara kita di persada dunia.
Idea sampingan 4	Kemajuan dalam sesebuah bidang perindustrian membolehkan kita bersaing dengan negara-negara di seluruh dunia.
Idea utama 5	Sektor perindustrian turut membolehkan budaya negara kita diperkenalkan kepada masyarakat di luar negara.
Idea sampingan 5	Perindustrian dapat menggambarkan keunikan masyarakat Malaysia serta boleh mendapat pasaran yang luas di luar negara.



UNIT 34 Industri Berdaya Maju

Kemahiran Menulis

Ayat	Ayat Lengkap
Ayat Topik	Mengurangkan kebergantungan kepada sumber laut sahaja
Ayat Huraian	Sumber perikanan laut akan menjadi semakin berkurangan akibat pencemaran laut atau tangkapan yang berlebihan. Namun begitu, dengan adanya perikanan akuakultur masalah ini dapat diatasi.
Ayat Contoh	Misalnya, bekalan ikan tidak terganggu mengikut musim seperti musim tengkujuh malah dapat ditampung oleh sumber akuakultur.

Ayat Penegas	Jadi, sekiranya bekalan laut tidak mencukupi, penduduk boleh bergantung kepada sumber perikanan akuakultur sahaja.
--------------	--

Ayat	Ayat Lengkap
Ayat Topik	Memperkembangkan teknologi dan R&D
Ayat Huraian	Perkembangan teknologi pembiakbakaan dan pemakanan ternakan akuakultur dengan pesat membolehkan pelbagai kajian dijalankan untuk mengembangkan industri ini. Perkembangan R&D membolehkan lebih banyak ikan akuakultur ditenak.
Ayat Contoh	Contohnya, kajian dijalankan dalam teknologi pengawetan dan pembungkusan untuk menjamin kesegaran terutamanya untuk pasaran eksport.
Ayat Penegas	Pendek kata, perikanan akuakultur turut menyumbang kepada perkembangan teknologi perikanan di Malaysia.

Ayat	Ayat Lengkap
Ayat Topik	Mewujudkan pelbagai bidang ekonomi dan memanfaatkan sumber terbiar
Ayat Huraian	Perikanan akuakultur membolehkan pelbagai bidang ekonomi yang berkaitan dengan perikanan akuakultur diadakan.
Ayat Contoh	Sebagai contoh, perikanan akuakultur mewujudkan perindustrian membuat keropok ikan, mengembangkan ekonomi pengangkutan, dan memajukan bidang periklanan. Perindustrian akuakultur turut memanfaatkan sumber seperti kolam, tasik, bekas lombong, dan sebagainya yang boleh digunakan untuk menternak ikan.
Ayat Penegas	Oleh itu, bidang perindustrian yang lain berasaskan perikanan akuakultur turut berkembang dengan maju.

Aspek Seni Bahasa

- Bangunkan industri berdaya maju, Supaya rakyat kekal sejahtera.
- Untuk maju dalam industri, Budaya inovasi perlu diterapkan.
- Dengan adanya budaya inovasi, Kerja yang sukar menjadi senang.




UNIT 35 Patriot Bangsa

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dianggotai oleh Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, Brunei Darussalam, Vietnam, Laos, Myanmar, dan Kemboja. Matlamat penubuhan ASEAN adalah untuk membentuk kerjasama yang dapat menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi. Misalnya, pertubuhan ini mengadakan Projek Baja Urea di Indonesia dan Malaysia. Selain itu, penubuhan ASEAN dapat

menjamin kestabilan politik sesebuah negara. Contohnya, kerjasama politik yang wujud antara negara-negara ASEAN merupakan saluran untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku di Asia Tenggara secara aman dan bukan menggunakan kekerasan. Di samping itu, matlamat penubuhan ASEAN adalah untuk mengekalkan keamanan sejagat melalui kerjasama antarabangsa. Sebagai contohnya, ASEAN memelihara keamanan dan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara serta menjalinkan kerjasama yang erat dengan negara-negara seperti China, Amerika Syarikat, dan lain-lain negara. Dalam pada ini, penubuhan ASEAN memudahkan sesebuah negara yang ditimpa bencana menerima bantuan. Misalnya, ketika bencana tsunami menimpa negara Indonesia, negara-negara anggota ASEAN yang lain menghulurkan bantuan kemanusiaan. Seterusnya, penubuhan ASEAN menjamin keselamatan rakyat dan negara. Contohnya, penubuhan ASEAN mengelakkan penglibatan dalam pertikaian antara kuasa besar. Jadi, penubuhan ASEAN penting untuk menjamin keselamatan negara-negara di Asia Tenggara.

Kemahiran Menulis



Pemimpin Berjasa, Negara Berjaya

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Almarhum Tunku Abdul Rahman ialah Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Beliau dilahirkan pada 8 Februari 1903 di Istana Tiga Tingkat, Alor Setar, Kedah. Beliau seorang yang berpengetahuan. Misalnya, beliau pernah mendapat pendidikan di dalam dan luar negara seperti di Maktab Sultan Abdul Hamid, Penang Free School, Universiti Cambridge, dan Inner Temple, London. Bidang pendidikan yang dipelajari beliau mempengaruhi kerjaya beliau. Misalnya, beliau belajar dalam jurusan undang-undang di Inner Temple, London. Pada 1955, beliau menjadi Ahli Majlis Perundangan Persekutuan. Tunku Abdul Rahman pernah menjadi Presiden UMNO dan Presiden Parti Perikatan. Hal ini menunjukkan bahawa beliau mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi. Seterusnya, beliau juga terlibat untuk memerdekakan Tanah Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa beliau seorang yang cinta akan tanah air.

Kemahiran Menulis

Kepentingan Pembentukan Pembimbing Rakan Sebaya

- Menjadi pengaruh positif kepada murid-murid lain
- Menjadi teladan yang baik kepada rakan yang lain
- Mendengar masalah yang diceritakan oleh rakan
- Memujuk rakan dengan kata-kata yang baik
- Membantu rakan untuk menyelesaikan masalah

POWER PT3

SISTEM BAHASA

Praktis 1 Kata Ganti Nama Diri

Bahagian A Soalan Objektif

1. B 2. D 3. A 4. C 5. A

Bahagian B Soalan Subjektif

1. kita – saya
2. awak – anda

Praktis 2 Kata Kerja

Bahagian A Soalan Objektif

1. B 2. C 3. A 4. B

Bahagian B Soalan Subjektif

1. kata – berkata
2. berlantaikan dengan – berlantaikan
3. terkumpul – berkumpul
4. mengakui – mengaku

Praktis 3 Kata Adjektif

Bahagian A Soalan Objektif

1. B 2. C 3. A 4. C

Bahagian B Soalan Subjektif

1. lurus – tegak
2. paling cantik sekali – paling cantik / cantik sekali
3. panas – hangat
4. serasi – sesuai

Praktis 4 Kata Tanya

Bahagian A Soalan Objektif

1. B 2. C 3. C 4. A

Bahagian B Soalan Subjektif

1. Mengapakah – Bagaimanakah
2. Apakah – Adakah
3. manakah – bilakah
4. Mengapakah – Apakah

Praktis 5 Kata Sendi Nama

Bahagian A Soalan Objektif

1. C 2. D 3. B 4. A

Bahagian B Soalan Subjektif

1. demi untuk – demi / untuk
2. dalam – tentang
3. terhadap – di
4. dari – daripada

Praktis 6 Kata Hubung

Bahagian A Soalan Objektif

1. B 2. B 3. D 4. A

Bahagian B Soalan Subjektif

1. Jika sekiranya – Jika / Sekiranya
2. yang – bahawa
3. dengan – dan
4. malah – tetapi
5. sambil – sebelum

Praktis 7 Kata Bantu dan Kata Nafi

Bahagian A Soalan Objektif

1. A 2. B 3. C 4. A

Bahagian B Soalan Subjektif

1. bukan – tidak
2. pernah – sudah
3. dapat – boleh
4. tidak – bukan
5. sudah hendak – hendak

Praktis 8 Kata Bilangan

Bahagian A Soalan Objektif

1. C 2. D 3. A 4. B

Bahagian B Soalan Subjektif

1. Segala persiapan-persiapan – Segala persiapan/ Persiapan – persiapan
2. Sesetengah – Setengah
3. bertahun – bertahun-tahun
4. empat suku jam – empat jam suku

Praktis 9 Kata Seru dan Kata Perintah

Bahagian A Soalan Objektif

1. B 2. D 3. B 4. C 5. B

Bahagian B Soalan Subjektif

1. Oh – Nah
2. Harap minta – Minta
3. Harap – Jemput
4. Amboi – Hai
5. Amboi – Oh

Praktis 10 Kata Majmuk

Bahagian A Soalan Objektif

1. B 2. D 3. A 4. C

Bahagian B Soalan Subjektif

1. tali-pinggang – tali pinggang
2. hadlaju – had laju
3. bertanggung jawab – bertanggungjawab

Praktis 11 Kata Ganda

Bahagian A Soalan Objektif

1. C 2. A 3. C 4. A

Bahagian B Soalan Subjektif

1. saling ejek-mengejek – saling mengejek / ejek-mengejek
2. banyak daun-daunan – banyak daun / daun-daunan
3. sangat licin-kicau – sangat licin / licin-licau
4. sayur-sayuran – sayur

Praktis 12 Jenis-jenis Ayat

Bahagian A Soalan Objektif

1. C 2. D 3. A

Bahagian B Soalan Subjektif

1. Ayat tanya
2. Ayat perintah
3. Ayat larangan
4. Ayat seruan
5. Ayat penyata

Praktis 13 Frasa

Bahagian A Soalan Objektif

1. C 2. A 3. A

Bahagian B Soalan Subjektif

1. Frasa nama
2. Frasa adjektif
3. Frasa kerja
4. Frasa sendi nama
5. Frasa nama
6. Frasa sendi nama

Praktis 14 Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

Bahagian A Soalan Objektif

1. B 2. D 3. C 4. B

Bahagian B Soalan Subjektif

1. (a) Amirul tidur.
(b) Amirul menyiapkan kerja sekolahnya.
2. (a) Cikgu Farah naik angin.
(b) Murid-muridnya berbuat bisng di dalam kelas.
3. (a) Tiang elektrik itu tumbang.
(b) Tiang elektrik itu menghempap sebuah kereta.

4. (a) Sarah ke sekolah untuk menjalani latihan bola jaring.
- (b) Aleea ke sekolah untuk menjalani latihan bola jaring.

Praktis 15 Pola Ayat Dasar

Bahagian B Soalan Subjektif

1. (i) Frasa nama + Frasa kerja
(ii) Frasa nama + Frasa sendi nama
(iii) Frasa nama + Frasa adjektif
(iv) Frasa nama + Frasa kerja
2. (i) Kain songket Kelantan ini untuk Puan Selamah.
(ii) Tudung sutera itu sangat cantik coraknya.
(iii) Syarikat itu mengeluarkan produk makanan berasaskan tumbuhan.
(iv) Puan Azariah pensyarah di kolej matrikulasi ini.

Praktis 16 Peribahasa

Bahagian A Soalan Objektif

1. D 2. C 3. D

Bahagian B Soalan Subjektif

1. (i) Belut pulang ke lumpur
(ii) Ikan pulang ke lubuk
2. (i) Seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit
(ii) Sebab nila setitik, rosak susu sebelanga

POWER PT3

PEMAHAMAN

PEMAHAMAN TEKS

Praktis 1 Prosa Tradisional – Pelanduk Mengajar Memerang

1. A 2. D 3. B 4. A

Praktis 2 Cerpen – Banjir di Mata Emak

1. A 2. D 3. C 4. B 5. A

Praktis 3 Talia dan Raksasa Qadqad

1. B 2. D 3. D 4. C 5. A

Praktis 4 Cerpen – Menuai Emas

1. B 2. D 3. C 4. C 5. B

Praktis 5 Drama – Mahkamah

1. C 2. B 3. C 4. A 5. C

Praktis 6 Pantun – Pantun Alam Remaja

1. C 2. B 3. C 4. A 5. C

Praktis 7 Pantun – Pantun Kiasan

1. C 2. D 3. D 4. A

Praktis 8 Pantun – Pantun Budi

1. B 2. B 3. B 4. A

Praktis 9 Pantun – Pantun Nasihat

1. A 2. A 3. C 4. B 5. C

Praktis 10 Pantun – Pantun Kasih Sayang

1. C 2. B 3. C 4. A

Syair – Syair Nasihat Penghujung

Praktis 11 Thamarat al-Muhimmah

1. B 2. C 3. A 4. B 5. A

Praktis 12 Sajak – Dalam Persekitaran Kata-kata

1. A 2. B 3. D 4. C 5. C

Praktis 13 Sajak – Roti

1. B 2. A 3. C 4. C 5. B

Praktis 14 Sajak – Kucari Damai di Sini

1. C 2. A 3. B 4. C 5. D

Praktis 15 Sajak – Pada Sekuntum Mawar

1. A 2. C 3. A 4. D 5. D

PEMAHAMAN PETIKAN

Praktis 1

1. akan menanggung harga beras yang tinggi
2. • memberikan subsidi seperti benih dan baja
• memperbaiki sistem pengairan dan saliran untuk tanaman padi
• menggalakkan penggunaan jentera
• penyatuan sawah-sawah kecil
3. • pihak bank dan kerajaan memberikan pinjaman kepada generasi yang memenuhi syarat-syarat yang minimum
• pihak media perlulah menyiarkan iklan atau rencana tentang kepentingan bidang pertanian untuk tontonan umum

Praktis 2

1. lokasi kebakaran yang jauh di pedalaman dan para penyelamat terpaksa menaiki bot yang memakan masa yang lama serta dalam keadaan gelap
2. memeriksa pendawaian elektrik dan menukar pendawaian tersebut sekiranya terdapat kebocoran atau penyambungan yang tidak sempurna
3. • mematikan suis elektrik apabila selesai menggunakannya
• jangan menggunakan soket tambahan yang tidak dapat menyokong bebanan
• simpan mancis atau pemetik api di tempat yang selamat daripada kanak-kanak
• luangkan masa untuk menghadiri ceramah atau latihan mencegah kebakaran

Praktis 3

- yakin akan kebolehan diri sendiri dan mempunyai keazaman yang tinggi
 - permintaan yang tinggi daripada penduduk setempat
- kita hendaklah berani dan yakin untuk membuat sesuatu perubahan yang positif demi mencapai kejayaan
- kekurangan ilmu dan kemahiran tentang selok-belok perniagaan
 - tidak mempunyai modal yang mencukupi untuk memulakan perniagaan
 - sukar untuk mendapatkan modal daripada institusi kewangan bagi memulakan perniagaan
 - terdapat persaingan yang tinggi sehingga mereka takut untuk bersaing secara terbuka

Praktis 4

- orang yang tidak berbudi bahasa akan dipandang hina
 - keamanan dan kedamaian negara akan terjejas
- semua pihak wajarlah mengamalkan nilai bekerjasama dan sanggup bertolak ansur untuk mengelakkan perselisihan faham
 - mengadakan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni dari semasa ke semasa
- dapat mewujudkan perpaduan antara masyarakat berbilang kaum di negara kita
 - dapat melahirkan masyarakat yang lebih bertamadun, masyarakat yang memiliki tahap tatasusila yang tinggi dan kebudayaan yang luhur selain pencapaian lahiriah
 - dapat mempamerkan imej yang positif tentang negara kita kepada pelancong luar dan seterusnya menjana ekonomi negara melalui industri pelancongan

NOVEL

Praktis 1

(i) Novel Jalan ke Puncak

Watak utama – Laiman

- Seorang yang tegas – tetap dengan pendiriannya memilih bidang pertanian walaupun ditentang oleh bapanya – tidak mudah berganjak
- Tekun dan gigih – berusaha dengan tekun dan gigih dalam bidang pertanian dan penternakan – mempelbagaikan kegiatannya
- Berani – berani menceburi bidang pertanian walaupun tidak mempunyai latar belakang dalam bidang tersebut – berbekalkan semangat dan usaha gigih

(ii) Novel Meniti Impian

Watak utama – Zahar

- Seorang yang tegas – tetap dengan pendiriannya memilih bidang vokasional walaupun pilihannya itu menggugat hubungannya dengan Suhaili
- Tekun dan gigih – berusaha dengan tekun dan gigih dalam bidang pembuatan perabot – disegani oleh rakan dan pekerja di loji
- Bertanggungjawab kepada keluarganya – membantu mereka dan berjimat cermat demi meringankan beban keluarganya

(iii) Novel Jejak MONPUS

Watak Utama – Zahar

- Seorang yang bijak – walaupun baru berusia 22 tahun tetapi berjaya menghasilkan beberapa produk yang membantu masyarakat tani – terbaharu dia menghasilkan penawar MONPUS bagi menangani masalah serangan ulat bulu di kampungnya
- Gigih berusaha – walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam penghasilan penawar – tidak pernah berputus asa
- Berani – berani mempertahankan dirinya apabila dituduh sebagai punca serangan ulat bulu – berani juga mempertahankan dirinya apabila diserang oleh Arifin

(iv) Novel Darah Titik di Semantan

Watak utama – Zahid

- Seorang yang berani – berani apabila berlawan dengan dua orang pemuda yang mencuba untuk mengganggu Kak Minah dan berjaya mengalahkan pemuda tersebut
- Seorang yang bertanggungjawab – Zahid dan kawan-kawan akan melakukan tugas seperti menjaga kawasan dan menjaga kubu bersama-sama
- Zahid seorang yang berpengaruh – menasihati Rahmad dan kawan-kawannya agar menjalani latihan bermain senjata demi mempertahankan diri ketika peperangan

Praktis 2

(i) Novel Jalan ke Puncak

Tema: Perjuangan anak muda dalam menempa kejayaan.

Peristiwa: Laiman berusaha untuk mengejar impian menjadi usahawan tani yang berjaya walaupun cetek dalam bidang pertanian kerana dia berkelulusan jurutera – gigih berusaha walaupun ditentang oleh bapanya – dia gigih membuka ladang tembikai, kolam ternakan ikan, dan mempelbagaikan kegiatan perniagaannya – mendapat soongan daripada sepupunya – menjadi belia contoh kerana kerajinan dan kegigihannya

(ii) Novel Meniti Impian

Tema: Keazaman dan kegigihan seorang remaja berusaha untuk mengejar impian menjadi seorang usahawan yang berjaya.

- Zahar gigih menuntut ilmu dalam bidang pertukangan perabot di IKM kerana ingin mencapai cita-citanya untuk menjadi usahawan perabot yang cemerlang – sebelum itu, dia gigih membantu Pak Yusuf – Zahar tidak berputus asa belajar dengan tekun di IKM walaupun dipandang rendah oleh Suhaili yang berkelulusan ITM

(iii) Novel Jejak MONPUS

Tema: Kegigihan seorang mahasiswa untuk menyelamatkan nyawa manusia yang diancam serangan ulat bulu.

- Zahar gigih menyiasat kes serangan ulat bulu di kampungnya dengan melayari Internet, membaca buku, dan mengekori Morgan yang keluar pada waktu malam – hasilnya, Zahar mendapati Morgan merangsang ulat bulu berbintik hitam keluar pada waktu malam – Zahar melakukan uji kaji terhadap Morgan dan menemukan penawar serangan ulat bulu tersebut dalam badan Morgan

(iv) Novel Darah Titik di Bumi Semantan

Tema: Perjuangan dalam membebaskan tanah air daripada penjajahan.

- Datuk Bahaman dan orang-orangnya telah berjuang menentang Inggeris yang telah menggugat keamanan bumi Semantan – dibantu oleh penduduk dan pahlawan-pahlawan Semantan – membina kubu, berlatih menggunakan runcing, menyempit, dan membuat senjata sebagai persediaan menentang Inggeris – walaupun kekurangan senjata – sanggup menentang Inggeris – tidak mahu tanah air dijajah

Praktis 3

(i) Novel Jalan ke Puncak

- Ketegasan membuat keputusan – Laiman tegas dengan keputusannya untuk berdikari walaupun hasratnya itu ditentang oleh bapanya – menolak tawaran bekerja di Jabatan Pertanian
- Semangat berdikari dalam kalangan belia – belia tidak harus makan gaji semata-mata tetapi harus berusaha untuk berniaga agar dapat membuka peluang pekerjaan kepada orang lain
- Keberanian meneroka bidang baharu – Laiman bukanlah lulusan dalam bidang pertanian, tetapi dia berani meneroka bidang tersebut kerana yakin akan kebolehannya

(ii) Novel Meniti Impian

- Ketekunan membawa kejayaan – Zahar sangat tekun berusaha dengan menuntut ilmu di IKM dan menjalani latihan dalam loji – membuka bengkel perabotnya sendiri
- Minat dan kebolehan membuah hasil – Pak Yusuf membuka bengkel perabot walaupun dia tidak mempunyai sijil kemahiran
- Sikap memandang rendah terhadap lulusan vokasional – Suhaili memandang rendah terhadap Zahar yang memilih bidang vokasional sedangkan bidang ini mempunyai masa hadapan yang cerah

(iii) Novel Jejak MONPUS

- Kasih sayang seorang ibu – Qistina keberatan melepaskan Zahar pergi ke Pulau Pisang untuk mencari spesies ulat bulu Pus Pus kerana bimbang akan keselamatan anaknya itu
- Kepentingan ilmu dalam kehidupan – Zahar telah mengaplikasikan pengetahuannya dalam bidang Sains Hayat untuk mencipta penawar bagi menyelesaikan masalah di kampungnya
- Sifat suka berdendam dalam masyarakat – Ripin menaruh dendam terhadap Zahar yang telah menangkapnya kerana mencuri tong gas

(iv) Novel Darah Titik di Bumi Semantan

- Kegigihan mempertahankan kedaulatan negara – Datuk Bahaman dan para pengikutnya gigih mempertahankan kedaulatan negara daripada jatuh ke tangan Inggeris
- Kecekan dalam perjuangan – Datuk Bahaman cekal menghadapi cabaran dan dugaan sewaktu ancaman Inggeris
- Keberanian menghadapi Inggeris – Penduduk Semantan dan Lubuk Terua berani menghadapi Inggeris walaupun kekurangan peralatan tentera

Praktis 4

(i) Novel Jalan ke Puncak

- Kita mestilah tabah menghadapi dugaan hidup – Laiman tabah menghadapinya walaupun bapanya kurang bersetuju dengan pilihannya yang mahu menjadi petani.

- Kita haruslah berani menceburi bidang yang kita minati – Laiman berani menjadi usahawan tani walaupun tidak mempunyai latar belakang dalam bidang berkenaan.
- Kita haruslah sanggup berkorban demi kejayaan ahli keluarga – Ahli keluarga Laiman sanggup berkorban demi kejayaan Laiman di universiti.
- Kita hendaklah mempunyai semangat setia kawan – Milan mempunyai semangat setia kawan terhadap Laiman dan memberikan sokongan kepadanya.

(ii) Novel Meniti Impian

- Kita haruslah bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan – Zahar bertanggungjawab untuk menyiapkan perabot yang ditempah oleh pelanggan di bengkel perabot Pak Yusuf.
- Kita mestilah memaafkan orang yang telah berbuat salah terhadap kita – Zahar memaafkan Suhaili yang telah memandang rendah terhadapnya.
- Kita mesti yakin terhadap kemampuan diri – Zahar yakin akan kemampuannya dalam bidang pembuatan perabot.
- Kita janganlah suka memandang rendah terhadap orang lain – Suhaili tidak harus memandang rendah terhadap Zahar yang memilih bidang vokasional.

(iii) Novel Jejak MONPUS

- Kita hendaklah bersikap kasih sayang terhadap ahli keluarga kita – Puan Qistina sayang akan anaknya, Zahar dan sentiasa bimbang akan keselamatannya.
- Kita janganlah cepat berprasangka buruk terhadap orang lain – Penduduk kampung menuduh Zahar sebagai punca serangan ulat bulu di kampung mereka.
- Kita hendaklah memaafkan kesalahan orang lain – Puan Qistina memaafkan kesalahan suaminya dan bersedia untuk menerima suaminya semula.
- Kita hendaklah gigih mencapai sesuatu kejayaan – Zahar gigih menghasilkan penawar untuk menghentikan serangan ulat bulu berintik itu.

(iv) Novel Darah Titik di Bumi Semantan

- Kita hendaklah bekerjasama dalam menjayakan sesuatu tindakan – Lajis bekerjasama dengan Pak Uda Ismail untuk mendirikan bengkel senjata dekat rumah Pak Uda Ismail.
- Kita hendaklah sentiasa menghormati ketua dalam organisasi – Tuk Muda Bidin dan Imam Perang Weh menghormati Datuk Bahaman sebagai ketua mereka.
- Kita haruslah berani menempuh cabaran dan halangan dalam kehidupan – Para penduduk Lubuk Terua berani menghadapi Inggeris walaupun mereka kekurangan dari segi peralatan senjata.
- Kita mestilah berjuang untuk mempertahankan tanah air kita daripada dijajah – Datuk Bahaman menyeru para penduduk supaya mempertahankan tanah air mereka daripada jatuh ke tangan Inggeris.

Praktis 5

(i) Novel Jalan ke Puncak

- Kebijaksanaan – Laiman telah berjaya melanjutkan pelajarannya ke Universiti Kebangsaan Malaysia dan berjaya menggendong segulung ijazah dalam bidang kejuruteraan.
- Tanggungjawab – Laiman sentiasa menjalankan tanggungjawabnya dalam memastikan kerja-kerja di loji minyak dilaksanakan dengan baik dan lancar.
- Keberanian – Laiman berani menjadi petani moden walaupun tidak mempunyai latar belakang pengetahuan dalam bidang tersebut

(ii) Novel Meniti Impian

- Kebijaksanaan – Zahar berjaya menamatkan pengajiannya di IKM dengan mendapat keputusan yang cemerlang.
- Tanggungjawab – Pak Yusuf berusaha untuk menyiapkan rak kasut yang ditempah masjid atas rasa tanggungjawab bahawa rak kasut itu untuk kegunaan jemaah yang datang ke masjid.
- Keberanian – Zahar dan Norimi berani mendeklamasikan sajak ciptaan mereka pada malam penutup minggu suai kenal di IKM.

(iii) Novel Jejak MONPUS

- Kebijaksanaan – Zahar telah banyak mencipta inovasi sains untuk kesejahteraan masyarakat.
- Tanggungjawab – Qistina, ibu kepada Zahar sangat dedikasi, rajin, dan komited dalam mendidik anak bangsa.
- Keberanian – Zahar berani menghadapi tentangan orang kampung terhadapnya yang menuduhnya sebagai punca serangan ulat bulu itu.

(iv) Novel Darah Titik di Bumi Semantan

- Kebijaksanaan – Datuk Bahaman bijak dalam merancang strategi untuk memperdayakan musuh. Datuk Bahaman menggunakan rantai yang direntang di antara dua tebing untuk menterbalikkan perahu yang dinaiki oleh pihak Inggeris.
- Tanggungjawab – Sebagai orang besar negeri, Datuk Bahaman sentiasa bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan rakyatnya dan kerajaannya.
- Keberanian – Datuk Bahaman dan para penduduk Lubuk Terua berani menghadapi Inggeris walaupun mereka kekurangan dari segi peralatan.



PEMINDAHAN MAKLUMAT

ULASAN

Praktis 1

Poster menunjukkan langkah-langkah untuk memutuskan rantaian Covid 19. Antara langkahnya, kita hendaklah mengelakkan tempat yang sesak. Contohnya, di pasar raya, majlis keramaian, dan stadium atau pusat-pusat sukan. Selain itu, kita perlu mengelakkan kawasan yang sempit dan berbual secara dekat-dekat dengan orang lain. Hal ini demikian kerana, penjarakan fizikal sukar dilakukan di kawasan demikian yang menyebabkan virus mudah tersebar. Di samping itu, kita perlu kerap mencuci tangan. Hal ini penting untuk menyingkirkan kuman yang melekat pada bahagian tersebut. Kita juga haruslah memakai pelitup muka bagi mengelakkan daripada dijangkiti virus ini daripada orang lain. Kesimpulannya, kita haruslah mengelakkan perkara-perkara yang boleh mendedahkan kita kepada koronavirus. Ingatlah pesanan peribahasa kita, ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.

Praktis 2

Rajah menunjukkan destinasi pelancongan menarik di Malaysia dan bilangan pelancong ke Malaysia. Berdasarkan rajah tersebut, bilangan pelancong ke Malaysia semakin meningkat dari tahun 2013 hingga tahun 2017. Peningkatan yang paling tinggi

adalah dari tahun 2016 hingga tahun 2017. Pada tahun 2016 jumlah pelancong mencatat sebanyak 25.8 juta orang menjadi 27.4 juta orang pada tahun 2017. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan jumlah pelancong ke Malaysia semakin meningkat. Hal ini demikian kerana, Malaysia banyak mempunyai destinasi yang menarik untuk dikunjungi. Antaranya ialah pantai dan pulau yang indah, tempat bersejarah, dan pusat beli-belah. Selain itu, gabungan masyarakat majmuk di Malaysia telah mewujudkan pelbagai budaya yang unik di sini. Malaysia juga menjadi tumpuan para pelancong kerana terdapat pelbagai kemudahan infrastruktur awam seperti pengangkutan dan tempat penginapan yang baik. Kesimpulannya, sektor pelancongan di Malaysia semakin meningkat maju disebabkan oleh pelbagai faktor.

RINGKASAN

Praktis 3

Remaja sebagai aset negara perlu menghayati sejarah demi membina jati diri mereka. Dengan mengetahui sejarah lampau, remaja dapat memahami situasi negara hari ini. Mereka dapat juga mengetahui kisah-kisah perjuangan generasi dahulu dalam usaha memerdekakan negara. Hal ini dapat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan remaja. Melalui sejarah juga, segala tindakan dan perlakuan generasi dahulu dapat dijadikan teladan dan panduan remaja hari ini. Akhir sekali, remaja dapat mengetahui susur galur keturunan mereka melalui sejarah di samping menyemai nilai-nilai murni dalam diri mereka.

Praktis 4

Ibu bapa seharusnya mewujudkan sudut bacaan di rumah kerana banyak kebaikannya. Sudut bacaan yang dipenuhi buku yang tersusun rapi ini akan memudahkan anak-anak membuat rujukan. Selain itu, sudut bacaan ini akan menjadi tempat untuk anak-anak mengulang kaji pelajaran dengan selesa. Di samping itu, tabiat membaca dalam kalangan ahli keluarga dapat juga disemai melalui sikap membaca yang ditunjukkan oleh ibu bapa. Hal ini demikian kerana, anak-anak mudah mencontohi perlakuan ibu bapa mereka. Dalam pada itu, hubungan antara ahli keluarga dapat dieratkan melalui aktiviti yang dilakukan bersama-sama di bilik bacaan. Seterusnya, kewujudan bilik bacaan yang dilengkapi pelbagai bahan bacaan ini akan menyebabkan anak-anak lebih menghargai dan menjadikan buku-buku sebagai teman karib mereka.

RUMUSAN

Praktis 5

Petikan membincangkan kepentingan amalan membaca dalam kalangan murid. Antaranya ialah dapat menambahkan ilmu pengetahuan murid dalam pelbagai isu yang berlaku di dalam atau di luar negara. Hal ini seterusnya dapat memahirkan murid untuk berfikir secara kritis. Dalam pada itu, kosa kata murid-murid akan bertambah dan mereka mampu menguasai khazanah bahasa dengan lebih baik. Seterusnya, amalan ini dapat meningkatkan pencapaian murid-murid dalam bidang akademik kerana mereka lebih mudah memahami sesuatu mata pelajaran yang diajar. Tuntasnya, murid-murid hendaklah menjadikan membaca sebagai amalan agar tahap pemikiran mereka menjadi lebih maju serta dapat sama-sama membangunkan negara.

Praktis 6

Petikan membincangkan langkah-langkah untuk menyemai sikap perpaduan dalam kalangan generasi muda. Antaranya ialah semangat perpaduan haruslah disemai secara berterusan dan usaha ini perlulah bermula sejak anak-anak kecil lagi. Dalam pada itu, guru hendaklah menjadi penggerak utama transformasi pendidikan. Tugas mereka bukan sahaja untuk mengajar dan memberikan pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga untuk menyatupadukan murid-murid pelbagai kaum melalui aktiviti selaras dengan aspirasi Malaysia yang bersatu padu. Guru-guru juga hendaklah mengelakkan daripada mencetuskan isu-isu sensitif semasa mengajar. Seterusnya, rakyat Malaysia hendaklah menghindari sebarang tindakan yang dapat mencetuskan provokasi kaum sebaliknya menganjurkan aktiviti kemasyarakatan

PENULISAN

KARANGAN RESPONS TERHAD

Praktis 1

Mutakhir ini, teknologi maklumat semakin penting dalam kehidupan remaja kerana banyak manfaatnya.

Teknologi maklumat mampu memperluas pengetahuan remaja. Hal ini demikian kerana, segala maklumat berada di hujung jari. Di samping itu, teknologi maklumat juga mampu memantapkan fikiran remaja. Mereka dapat meneroka pelbagai bidang ilmu dengan mudah. Selain itu, mereka juga boleh meluaskan pergaulan mereka dengan menjalinkan silaturahim dengan rakan-rakan dari serata dunia. Seterusnya, teknologi maklumat juga mampu mengembangkan bakat dan potensi remaja. Mereka boleh menggunakan platform di Internet untuk mempamerkan bakat mereka.

Kesimpulannya, banyak manfaat penggunaan teknologi maklumat. Namun begitu, remaja haruslah memanfaatkan teknologi maklumat secara bijaksana.

Praktis 2

Mutakhir ini, penggunaan rokok elektronik dalam kalangan murid semakin berleluasa.

Rokok elektronik banyak kesan negatif kerana boleh menjejaskan kesihatan pengguna. Hal ini kerana, cecair rokok elektronik mengandungi nikotin yang boleh merosakkan paru-paru dan jantung. Di samping itu, bahan perisa yang digunakan mampu memberikan ketagihan kepada pengguna. Akibatnya, pengguna akan berasa gelisah jika tidak dapat menghisap rokok dalam jangka masa tertentu. Penggunaan rokok elektronik ini juga akan menjejaskan prestasi akademik murid-murid. Hal ini kerana, ketagihan yang dialami oleh mereka menyebabkan mereka tidak dapat memberikan tumpuan semasa belajar. Selain itu, pengguna juga terdedah kepada risiko kecederaan kerana alat rokok elektronik mudah meletup. Lazimnya, letupan ini berlaku kerana bahan yang digunakan tidak berkualiti.

Kesimpulannya, isu ini perlu ditangani sebelum telambat, bak kata orang sebelum nasi menjadi bubur.

Praktis 3

Remaja mempunyai tanggungjawab kepada ibu bapa mereka. Tanggungjawab ini perlu dipikul demi manfaat remaja itu sendiri.

Remaja bertanggungjawab untuk membawa kejayaan kepada ibu bapa. Oleh itu, mereka perlu belajar dengan bersungguh-sungguh untuk membanggakan ibu bapa mereka. Selain itu, remaja perlu meringankan beban ibu bapa mereka dengan membantu mereka semasa di rumah. Pertolongan tersebut walaupun kecil tetapi besarnya erti kepada ibu bapa. Selain itu, remaja perlu menjaga nama baik keluarga. Mereka perlu menampilkan akhlak yang mulia dan mengelakkan diri daripada terjebak dalam gejala sosial. Seterusnya, para remaja haruslah meluangkan masa bersama-sama ibu bapa. Selain dapat mengeratkan hubungan, ibu bapa dapat merasakan bahawa diri mereka amat dihargai.

Tegasnya, remaja tidak harus memandang ringan akan tanggungjawab mereka terhadap ibu bapa. Janganlah bersikap kacang lupakan kulit.

Praktis 4

Kegiatan kokurikulum wajib disertai oleh murid-murid. Terdapat tiga jenis kegiatan kokurikulum, iaitu persatuan, unit beruniform, dan sukan. Aktiviti kokurikulum ini banyak manfaat kepada murid-murid.

Kegiatan kokurikulum mampu meningkatkan perpaduan dalam kalangan murid. Hal ini kerana, mereka akan saling berinteraksi untuk menjayakan sesuatu kegiatan. Selain itu, kegiatan kokurikulum mampu melatih sikap kepimpinan dalam kalangan murid. Untuk menggerakkan aktiviti persatuan, murid-murid ini akan diberikan jawatan-jawatan yang tertentu. Di samping itu, murid-murid juga boleh menambahkan ilmu pengetahuan. Contohnya, belajar mengikat anduh dalam Persatuan Bulan Sabit Merah. Seterusnya, kegiatan kokurikulum dapat juga mengisi masa lapang murid secara berfaedah. Hal ini dapat mengelakkan mereka terlibat dengan gejala sosial.

Kesimpulannya, murid-murid haruslah melibatkan diri secara aktif kerana mereka ialah tonggak masa depan negara.

KARANGAN RESPONS TERBUKA

1. Pendahuluan:

alam sekitar yang terbentang luas dan terpampang luas ini merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai harganya – kini manusia semakin lupa akan tanggungjawab mereka untuk menjaga alam sekitar – antara yang terjejas teruk akibat perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab ini ialah sungai – punca-punca yang menyebabkan terjadinya pencemaran ini perlulah dikenal pasti dan ditangani segera – jangan sudah terhantuk barulah tengadah

Isi-isi penting:

- (a) pembuangan sampah sarap ke dalam sungai – sungai akan dipenuhi bahan-bahan terbuang dan plastik sampah yang terapung pada permukaan air sungai – warna air sungai akan bertukar kepada kehijau-hijauan dan kehitam-hitaman – sumber air manusia akan tercemar dan hidupan akuatik akan musnah serta menghasilkan bau yang busuk
- (b) pencemaran sungai juga boleh berlaku akibat pembuangan sisa-sisa daripada kilang – sisa-sisa buangan daripada kilang yang dibina berhampiran dengan tepi sungai akan dialirkan terus ke dalam sungai untuk melupuskan sisa buangan dengan cara yang lebih mudah – sikap pengusaha kilang yang terbabit diibaratkan seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing – bahan-bahan kimia dan sisa-sisa toksik akan mencemarkan sungai dan sekali gus akan

merendahkan kualiti air dan hidupan akuatik sudah tidak sesuai untuk mendiami sungai itu

- (c) kegiatan pembalakan juga antara punca pencemaran sungai – bertujuan untuk industri pembuatan dan pembangunan – pencemaran sungai akan berlaku susulan kelonggaran ikatan zarah tanah disebabkan matinya akar yang mengikat struktur tanah tersebut – hakisan tanah akan berlaku dengan lebih mudah dan menyebabkan tanah tersebut akan mencemari sungai – pembuangan kayu-kayu dan ranting-ranting pokok juga akan menyebabkan aliran sungai-sungai tersekat – kualiti air bagi tujuan domestik akan berkurang berikutan pemendapan tanah yang banyak dalam air sungai
- (d) aktiviti pertanian juga dikenal pasti sebagai punca pencemaran air – pengilangan hasil-hasil pertanian banyak menghasilkan bahan kimia cecair yang disalurkan ke dalam sungai – hampas-hampas organik yang menjadi bahan buangan pemprosesan dibuang ke dalam sungai – penggunaan baja, pestisid, dan insektisid untuk membunuh haiwan perosak mencemarkan sumber air – menghalang penembusan cahaya ke bawah permukaan air – mengakibatkan kematian tumbuh-tumbuhan dan hidupan akuatik

Penutup:

ketelitian yang lebih mendalam hendaklah dilakukan terhadap punca-punca yang menyebabkan pencemaran sungai – usaha-usaha menangani masalah pencemaran sungai ini dapat dijalankan dengan lebih efektif – mencegah lebih baik daripada mengubati – diharapkan agar pencemaran sungai dapat ditangani dengan kadar segera – generasi pada masa hadapan dapat merasai dan menikmati alam sekitar yang diwarisi tanpa sebarang pencemaran

2. Pendahuluan:

kami sekeluarga menaiki bot dari Jeti Merang ke Pulau Redang – melihat keindahan laut – perjalanan ke Pulau Redang mengambil masa lebih kurang 45 minit

Isi-isi penting:

- (a) tiba di jeti Pulau Redang – beberapa buah kereta bugi sudah menunggu ketibaan rombongan kami – membawa beg masing-masing – menuju ke tempat penginapan kami
- (b) selepas mendapat kunci bilik hotel – kami berehat untuk melepaskan lelah – melalui bilik kami – terpegun melihat keindahan pantai di hadapan resort – pasirnya putih – air kebiru-biruan – kami menikmati hidangan tengah hari di dewan makan
- (c) selepas solat asar kami ke laut – mandi-manda – saya dan adik menggunakan pelampung – tidak mahir berenang – ayah mengajar kami berenang – adik menjerit apabila dihempas ombak – kami tertawa melihat gelagat adik
- (d) keesokan paginya kami mengikuti aktiviti snorkeling – kami berasa sungguh seronok – dapat melihat keindahan batu karang di dasar laut – ayah banyak membantuku untuk menyelam – dapat melihat keindahan batu-batu karang yang berwarna-warni dengan lebih dekat

Penutup:

keesokan paginya selepas bersarapan – berkemas-kemas untuk pulang – percutian ke Pulau Redang sungguh menyeronokkan – merapatkan hubungan kekeluargaan – menimba pelbagai pengalaman dan pengetahuan baharu

3. Pendahuluan

kata alu-aluan kepada pengerusi majlis – pengarah pelajaran negeri, pengetua, guru-guru, dan rakan-rakan – ucapan terima kasih kerana diundang – menyatakan tajuk ceramah

Isi-isi penting:

- (a) pemeliharaan alam sekitar akan menjamin keseimbangan alam – oksigen yang kita perlukan untuk bernafas dibebaskan oleh tumbuh-tumbuhan di sekeliling kita – persekitaran yang bersih membolehkan kita menyedut udara yang segar – menjamin kesihatan yang baik
- (b) persekitaran yang kotor akan menyebabkan pembiakan vektor yang dapat mengancam nyawa manusia – nyamuk aedes – menyebabkan demam denggi – nyamuk tiruk boleh menyebabkan penyakit malaria – makanan yang dihurungi lalat akan menyebabkan kesihatan manusia terjejas
- (c) alam sekitar merupakan sumber keperluan hidup kita – contohnya sungai yang merupakan sumber air – pencemaran sungai yang berlaku – sukar untuk mendapatkan air yang bersih – laut yang tercemar – menjejaskan hidupan laut yang menjadi sumber makanan
- (d) alam sekitar yang bersih dan terpelihara – daya tarikan para pelancong – menjadi sumber ekonomi negara – meningkatkan pertukaran wang asing – para peniaga akan mendapat keuntungan – membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan

Penutup:

semua pihak perlulah bekerjasama dalam memelihara alam sekitar – hadiah yang tidak ternilai kepada generasi yang akan datang – marilah sama-sama menyayangi dan menyelamatkan alam sekitar daripada dimusnahkan – ucapan terima kasih

LISAN

LISAN BERTUTUR

Praktis 1

Tema: Sains dan Teknologi

Tajuk Perbincangan: Kesan Penggunaan Internet

Isi-isi penting:

Kesan Positif:

1. Dapat mencari dan mengumpulkan maklumat dalam masa yang singkat – memudahkan kehidupan harian manusia apabila hendak berkongsi maklumat dari segi data, imej, atau video
2. Menyumbang kepada pembangunan positif dalam perniagaan – Internet dijadikan pentas baharu bagi peniaga-peniaga untuk memasarkan barangan mereka – perniagaan dalam talian kian mendapat sambutan baik
3. Dapat menyelesaikan pelbagai urusan seharian seperti membayar bil dan urusan perbankan dengan lebih mudah dan cepat – sistem pengurusan kewangan menjadi lebih mantap
4. Internet memudahkan masyarakat untuk berkomunikasi – jarak jauh dan jarak dekat malah merentasi lautan seantero dunia – mengekalkan hubungan yang erat

Kesan negatif:

1. Internet secara tidak langsung dapat meracuni pemikiran remaja hari ini – bebas melayari laman web yang tidak sesuai dengan usia mereka seperti laman web lucah – mendorong kes jenayah seperti kes ragol, mencabul, dan sebagainya
2. Dapat meleakakan murid-murid – banyak menghabiskan masa dengan melayari laman web yang berbentuk hiburan semata mata – akan ketinggalan dari segi akademik – malas untuk bergiat dalam aktiviti kokurikulum
3. Revolusi Internet turut membuka peluang berlakunya kes-kes penipuan – banyak rungutan dan aduan masyarakat mengenai diri mereka ditipu oleh pihak tertentu terutamanya yang berkaitan dengan perniagaan secara elektronik
4. Pengguna Internet juga dikatakan golongan masyarakat yang enggan bersosial kerana mereka lebih suka menghabiskan masa di hadapan komputer sahaja – masa bersama-sama keluarga, sahabat, dan jiran semakin dilupakan sehingga hubungan itu menjadi renggang pula

Praktis 2

Tema: Seni dan Budaya

Tajuk Perbincangan: Pakaian Tradisional Rakyat Malaysia

Isi-isi penting:

1. Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum termasuk di Sabah dan Sarawak – terdapat pelbagai jenis pakaian yang terdapat dalam sesuatu kaum itu sendiri – pakaian tradisional melambangkan kebudayaan sesuatu kaum itu – tetapi kini, masyarakat Malaysia telah menunjukkan perpaduan hati dan budaya kerana pakaian tradisional tidak lagi terhad kepada kaum tertentu sahaja – masyarakat daripada kaum-kaum lain juga boleh mengenakan pakaian yang sama
2. Dalam masyarakat Melayu, pakaian tradisional yang paling popular ialah baju kurung bagi perempuan dan baju Melayu bagi lelaki – masyarakat Cina pula ialah cheongsam bagi perempuan dan samfu bagi lelaki – dalam masyarakat India, sari dipakai oleh perempuan dan dhoti serta kurta bagi lelaki
3. Masyarakat di Sabah dan Sarawak juga kaya dengan pakaian tradisional – setiap pakaian tradisional kaum-kaum tertentu – mempunyai keistimewaan tersendiri yang boleh dibanggakan
4. Di Sabah terdapat pelbagai kaum – kaum Iban, Kadazan-Dusun, dan Melayu-Brunei – mempunyai pakaian tradisional masing-masing yang akan dipakai pada upacara tertentu terutamanya pada hari-hari perayaan – begitu juga dengan kaum-kaum yang terdapat di Sarawak seperti kaum Melanau, Bidayuh, Murut, dan Kelabit
5. Sebagai rakyat Malaysia, seharusnya kita berbangga dengan kepelbagaian budaya yang terdapat di Malaysia – seharusnya kita mengkaji sejarah-sejarah kebudayaan yang terdapat di negara kita sendiri – minda kita tidak terlalu disempitkan oleh sejarah budaya bangsa sendiri sahaja

Praktis 3

Tema: Pendidikan

Tajuk perbincangan: Kaedah Belajar yang Berkesan

Isi-isi penting:

1. Elakkan suasana tempat belajar yang bising, banyak gangguan, dan tidak selesa
2. Memilih masa belajar yang sesuai – tidak semua waktu dalam sehari boleh digunakan untuk menumpukan fikiran pada pelajaran

3. Pada waktu persekolahan, peruntukan sekurang-kurangnya dua jam untuk menelaah/mengulang kaji pelajaran di samping menyelesaikan kerja-kerja yang diberikan oleh guru
4. Pada waktu cuti sekolah, peruntukan empat hingga lima jam untuk menelaah pada waktu yang sesuai – pada waktu pagi dan malam
5. Sediakan satu jadual belajar harian – berusaha untuk mengikuti sepenuhnya jadual yang dibuat – mendapat kesan yang maksimum
6. Elakkan daripada melakukan perkara-perkara yang tiada hubungan dengan mutu pembelajaran baik secara formal atau tidak formal – supaya tidak berlaku pembaziran masa
7. Pembelajaran di sekolah merupakan sumber yang penting serta yang paling baik untuk seseorang murid menghadapi pelajarannya – penumpuan yang maksimum haruslah diberikan ketika berada di sekolah
8. Amalkan teknik pembacaan yang betul – membaca, memahami, dan menghafal – pembacaan yang menyeluruh bagi pusingan yang pertama – menggariskan isi-isi penting atau mencatat isi-isi penting secara ringkas tetapi padat – menghafal isi-isi penting tersebut

Praktis 4

Tema: Patriotisme

Tajuk Perbincangan: Bulan Kemerdekaan

1. Malaysia telah merdeka pada 31 Ogos 1957 – setiap tahun telah diadakan sambutan ulang tahun kemerdekaan – kerajaan juga telah mengadakan sambutan Bulan Kemerdekaan yang bermula daripada 16 Ogos sehingga 16 September – banyak pengisian sambutan Bulan Kemerdekaan ini diadakan – Program Kibarkan Bendera, Program Sambutan Ambang Merdeka, dan Program Perarakan 31 Ogos – banyak kebaikan yang diperoleh apabila semua lapisan masyarakat terlibat dalam sambutan Bulan Kemerdekaan
2. Dapat memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat – contoh nilai kerajinan, bekerjasama, toleransi, berhemah tinggi, hormat-menghormati, dan rasional – penduduk Malaysia yang pelbagai kaum ini amat memerlukan penghayatan nilai murni dalam kehidupan seharian – dapat hidup dalam harmoni
3. Dapat memberikan kesedaran tentang tanggungjawab rakyat Malaysia untuk mengisi kemerdekaan yang telah diperoleh – para pemimpin negara sedang mengorak langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020 – pelbagai program telah dirancang oleh kerajaan untuk memajukan negara – rakyat haruslah menyokong semua rancangan yang telah dibuat oleh kerajaan dalam memajukan negara
4. Dapat memantapkan kesedaran patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia – generasi muda hari ini mudah hanyut dan terikut-ikut oleh budaya Barat – amat mudah meniru dan memandang tinggi bangsa luar – seharusnya golongan muda mempunyai semangat patriotisme yang tinggi terhadap negara sendiri
5. Bertujuan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat – perpaduan kaum amat penting untuk Malaysia menjadi sebuah negara maju – setiap kaum mestilah mendahulukan kepentingan negara dalam setiap tindakan mereka – program sambutan Bulan Kemerdekaan dapat menyedarkan kaum-kaum yang terdapat di Malaysia supaya mematuhi semua peraturan dan undang-undang negara – di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung

6. Sambutan Bulan Kemerdekaan juga akan mengingatkan rakyat, khususnya generasi selepas merdeka supaya menghargai pejuang-pejuang kemerdekaan – jasa-jasa pejuang kemerdekaan tidak boleh dilupakan dan mesti dikenang terutama sekali pada ulang tahun kemerdekaan – Tok Janggut, Dato' Bahaman, Rentap, Dato' Onn, dan Tunku Abdul Rahman patut menjadi idola rakyat Malaysia – pembakar semangat kepada generasi muda untuk terus berjuang agar kemerdekaan negara tidak akan ter gugat – kemerdekaan negara harus dipelihara agar negara tidak terjajah lagi

Praktis 5

Tema: Alam Sekitar

Tajuk Perbincangan: Kitar Semula

1. Amalan kitar semula dapat mewujudkan persekitaran yang lebih sihat dan selesa – sampah sarap boleh menjejaskan kesihatan manusia dan kebersihan persekitaran – longgokan sampah akan menjadi tumpuan haiwan pembawa penyakit dan berbahaya seperti nyamuk, tikus, ular, dan lipas – kitar semula ini dapat mengurangkan sampah yang dibuang dan seterusnya mengawal penyakit daripada menular dengan cepat
2. Amalan kitar semula dapat menjimatkan kos perbelanjaan pelupusan sampah – lebih menjimatkan berbanding dengan usaha menyelenggara tapak pelupusan sampah yang makin meningkat di negara ini – caj untuk pelupusan sampah akan berkurang – dapat meningkatkan ekonomi negara
3. Amalan kitar semula dapat mengelakkan kepupusan sumber alam – sebanyak 17 pohon pokok yang matang terpaksa ditebang untuk menghasilkan satu tan kertas – masyarakat perlulah mengguna barang terpakai semula atau barang-barang buangan selain dapat mengubah fungsinya dengan mereka cipta sesuatu yang baharu – bahan mentah yang dieksploitasi di negara ini dapat dikurangkan dan digunakan oleh generasi pada masa akan datang dan menjamin kelangsungan ekonomi negara
4. Masyarakat perlu memelihara hutan hujan tropika yang terdapat di bumi bertuah ini – pokok-pokok tersebut membekalkan oksigen kepada manusia dan haiwan melalui proses fotosintesis yang memerlukan cahaya matahari dan karbon dioksida – kepupusan sumber alam ini – menyebabkan bumi menjadi gundul dan bencana alam akan berlaku dengan kerap seperti banjir kilat dan tanah runtuh
5. Amalan kitar semula dapat juga menambahkan pendapatan masyarakat – sesetengah masyarakat beroleh pendapatan tetap atau sampingan melalui amalan jual beli bahan terbuang dan terpakai – dapat menurunkan peratus pengangguran di Malaysia – meningkatkan ekonomi individu dan sesebuah organisasi keluarga terutama yang banyak mempunyai tanggungan

Praktis 6

Tema: Sukan

Tajuk Perbincangan: Atlet Malaysia yang Anda Kagumi

1. Atlet Malaysia yang saya kagumi ialah Datuk Nicol Ann David – mengagumi beliau kerana beliau seorang pemain skuasy profesional yang hebat – merupakan wanita Asia pertama yang menduduki tangga pertama dunia dalam sukan skuasy wanita

2. Semangat patriotiknya terhadap negara amat tinggi – berdisiplin dan kesungguhan beliau dalam melakukan kariernya sebagai pemain skuasy – sentiasa memberikan yang terbaik dalam setiap pertandingan yang disertainya pada bila-bila masa sahaja
3. Nicol Ann David dilahirkan di Pulau Pinang, Malaysia pada 26 Ogos 1983 – anak kepada pasangan Ann Marie David yang berketurunan Cina dan Desmond David yang berketurunan India – pelajar cemerlang dalam mata pelajaran Matematik dan Nicol mendapat 7A dalam Penilaian Menengah Rendah dan juga 7A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia – pernah bersekolah di Sekolah Kebangsaan Green Lane dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Green Lane di Green Lane, Pulau Pinang
4. Pada usia 23 tahun, Nicol menjadi pemain skuasy No.1 Dunia pada Januari 2006 – menjadi warga Malaysia dan wanita Asia pertama yang mencapai tangga No.1 Dunia dalam sukan ini – melalui segala pencapaian yang diperoleh beliau, kita dapat lihat dengan jelas bahawa beliau sanggup berkorban demi negara
5. Pencapaian dan kehebatan ratu skuasy dunia Datuk Nicol Ann David, dalam gelanggang memang tidak perlu dipertikaikan lagi – beliau dikurniakan abiliti fizikal sejak lahir itu membuatkan beliau lincah beraksi di gelanggang – beliau telah menggunakan anugerah yang dikurniakan kepadanya dengan berusaha untuk memenangi setiap pertandingan yang disertainya

Praktis 7

Tema: Sekolah

Tajuk Perbincangan: Sambutan Hari Guru

1. Hari Guru Sedunia jatuh pada 5 Oktober setiap tahun, namun negara kita menyambut Hari Guru pada 16 Mei setiap tahun – guru haruslah dihargai kerana merupakan pencorak kepada kejayaan murid-murid
2. Selain memberikan kad ucapan, penghargaan oleh murid-murid boleh dilakukan dengan sentiasa berdisiplin, mematuhi peraturan, memberikan perhatian semasa di kelas, dan melakukan tugas yang diberikan oleh guru serta tidak menimbulkan sebarang masalah terhadap guru – murid-murid hendaklah menjaga tatasusila dengan tidak meninggikan suara dan menjaga hubungan dengan guru-guru
3. Murid-murid boleh mengambil inisiatif dengan membeli hadiah untuk guru-guru sebagai tanda penghargaan terhadap didikan dan asuhan yang diberikan – hadiah yang diberikan tidak perlulah mahal asalkan dapat menunjukkan keikhlasan hati
4. Sambutan Hari Guru dapat juga memupuk budaya penyayang – murid-murid patut menziarahi bekas guru-guru mereka dan bertanyakan khabar – mengekalkan kemesraan di samping mengeratkan ukhuwah – murid-murid perlu juga belajar untuk mengambil berat terhadap guru yang sakit dan membawa buah tangan semasa menziarahi mereka – murid-murid harus terus menyayangi guru-guru dan berusaha untuk menggemirakan mereka
5. Dapat mengeratkan hubungan dengan guru – sambutan Hari Guru sering dimeriahkan dengan pelbagai acara yang melibatkan penyertaan guru-guru dan murid-murid – mampu mencetuskan kerjasama antara guru dengan murid dalam memenangi sesuatu acara – mereka akan lebih saling memahami dan sentiasa bertolak ansur, sabar, dan mengawal diri bagi mengelakkan pertelingkahan dan perselisihan faham

Tema: Kekeluargaan

Tajuk Perbincangan: Keluarga Bahagia

1. Setiap ahli dalam sesebuah keluarga dapat memainkan peranan masing-masing dengan baik – ibu bapa seharusnya melakukan tanggungjawab mereka dengan memenuhi hak seorang anak – memberikan pendidikan agama dan akademik yang sempurna – menjamin masa hadapan mereka – anak-anak berperanan untuk membalas dan menghargai setiap pengorbanan yang telah dicurahkan kepada mereka dengan belajar bersungguh-sungguh
2. Saling mengasihani dan menyayangi satu sama lain – setiap ahli keluarga sepatutnya saling mengambil berat – setiap isi rumah perlulah mengadakan perbincangan pada waktu tertentu bagi mengetahui perkembangan semasa anak-anak atau bagi menyelesaikan konflik yang timbul dalam kalangan mereka – perbincangan akan mewujudkan komunikasi antara mereka
3. Sentiasa melakukan aktiviti bersama seperti berjoging pada hujung minggu, berkumpul pada waktu makan malam, dan membersihkan halaman rumah – memupuk nilai kerjasama dalam kalangan ahli keluarga dan mengeratkan silaturahim yang sudah lama terjalin, di samping menyihatkan tubuh badan dan menjadikan kediaman mereka sebagai sebuah teratak yang selamat dan indah untuk didiami bersama
4. Keluarga bahagia wujud kerana sikap warga rumah yang mengamalkan ajaran agama kerana bagi mereka Tuhanlah yang memberikan nikmat keluarga bahagia kepada mereka – mereka akan menzahirkan ucapan syukur itu dengan menunaikan solat secara berjemaah dan sama-sama memanjatkan doa agar nikmat keluarga bahagia ini akan terus dirasai sehingga penghujung hayat mereka
5. Terdapat pelbagai aspek yang menjurus pada kebahagiaan sesebuah keluarga seperti peranan setiap ahli keluarga dan nilai kasih sayang yang tersemat sesama mereka – keluarga bahagia juga memainkan peranan penting untuk kemajuan sesebuah negara – sekiranya mereka dididik dengan sempurna, maka baiklah negara pada masa depan dan jika sebaliknya, hancurlah segala impian negara masa kini

LISAN MENDENGAR

PETIKAN PERTAMA : PEGAGA

1. Dalam kalangan masyarakat Melayu pegaga sering digunakan dalam minuman herba atau jamu. [✓]
2. Pegaga dapat ditemukan di kawasan yang berpasir dan bersaliran baik. [X]
3. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, pegaga dapat menyembuhkan penyakit kanser dan darah tinggi. [X]

PETIKAN KEDUA : REBANA UBI

1.	Kedudukan rebana ubi bergantung pada ketinggian rebana ubi tersebut.	Betul	
		Salah	✓
2.	Dahulu, rebana ubi digunakan sebagai alat perhubungan jarak jauh.	Betul	✓
		Salah	

PETIKAN KETIGA : KOPERASI SEKOLAH

Semasa hendak ke koperasi sekolah. Nora terserempak dengan Indera yang hendak berjumpa dengan Cikgu Hazlin di bilik guru. Indera bertanya kepada Nora tentang tujuannya hendak ke koperasi sekolah. Nora menyatakan bahawa dia hendak membeli kertas warna untuk projek buku skrap Geografi.

Nora juga menyatakan kepada Indera bahawa dia suka memebel; peralatan sekolah di koperasi sekolah lebih murah dan berkualiti selain dapat membantu koperasi sekolah mereka.

PETIKAN KEEMPAT : JUALAN MURAH

Jenis barangan	Harga barangan
Bawang putih	RM1.50 sekilogram
Tepung gandum	RM1.00 sekilogram
Telur ayam (30 biji)	RM6.00
Ubi kentang	<u>RM1.20 sekilogram</u>

PETIKAN KEEMPAT : JUALAN MURAH

Keterangan	Jawapan
Perjumpaan untuk murid-murid tingkatan 3	10.30 pagi
Masa perjumpaan murid-murid tingkatan 3 tamat	21 April 2020
Tarikh akhir penyerahan borang kebenaran untuk Kem Motivasi Diri	20 April 2020


PETIKAN KEENAM : BERITA

1. Sebanyak 10 154 kes disiplin bagi pelbagai kesalahan membabitkan murid di Negeri Sembilan direkodkan sepanjang tahun 2019.
2. Kesalahan ponteng sekolah mencatat bilangan tertinggi, iaitu 7 709 kes.


PETIKAN KETUJUH : IKLAN

Nama Program	Peserta	Tarikh tutup penyertaan
Minggu Penulis Remaja	Remaja yang berumur 16 dan 17 tahun	1 Jun 2020


PETIKAN KELAPAN : KEDUDUKAN RUMAH AISYAH DI TAMAN TASNEEM



PETIKAN KESEMBILAN : CATATAN PERJALANAN



PETIKAN KESEPULUH : KITARAN HIDUP NYAMUK



Pentaksiran Akhir Tahun

SKOR

100

KERTAS 1 (02 / 1)

Bahagian A

- | | | | | |
|-------|-------|-------|-------|-------|
| 1. B | 2. C | 3. B | 4. B | 5. D |
| 6. B | 7. A | 8. A | 9. A | 10. C |
| 11. B | 12. C | 13. B | 14. C | 15. D |
| 16. C | 17. A | 18. B | 19. A | 20. D |

Bahagian B

1. (i) kelinik – klinik
(ii) sesi – sesi
(iii) bacteria – bakteria
2. (i) insentif – intensif
(ii) memperluaskan – memperluas
3. (i) – orang yang berbudi bahasa dan menjaga tutur katanya akan dipandang mulia
(ii) – kita hendaklah menjaga tingkah laku dan bertutur dengan sopan
– kita hendaklah bersedia untuk memberikan bantuan dengan ikhlas
(iii) – dapat mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk
– dapat mencerminkan keperibadian seseorang – akan mudah didampingi dan disenangi oleh orang lain
– sentiasa bersopan santun dalam pertuturan dan tingkah laku
– budaya berbudi bahasa dapat memajukan industri pelancongan negara – layanan sopan yang diberikan – imej positif kepada pelancong
4. (i) **Novel Jalan ke Puncak**
Watak: Laiman
 - Perwatakan: Berdikari
Laiman mahu bekerja sendiri tanpa makan gaji dengan mana-mana pihak kerajaan walaupun dia mempunyai kelulusan yang baik dalam pelajaran.
 - Perwatakan: Tabah
Laiman ialah seorang yang tabah. Contohnya, dia tabah apabila ayahnya sendiri, iaitu Pak Kassim menentang tindakannya untuk bekerja sendiri.
 - Perwatakan: Gigih
Laiman gigih mengusahakan tanaman tembikai serta penternakan lebah madu, ikan air tawar, dan udang harimau. Berkat kegigihannya, projek yang diusahakannya itu menjadi contoh kepada orang lain.
- (ii) **Novel Meniti Impian**
Watak: Zahar
 - Perwatakan: Tidak berputus asa
Walau pun Zahar tidak berjaya untuk melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi, namun dia tidak mudah berputus asa. Dia mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajarannya dalam bidang

pertukangan di Institut Kemahiran Malaysia yang akhirnya dia berjaya membuka sebuah bengkel perabotnya sendiri.

- Perwatakan: Rajin
Sejak setahun yang lalu, Zahar bekerja di bengkel Pak Yusuf membuat perabot tempahan penduduk kampung dan jiran-jiran.
- Perwatakan: Rasional
Walaupun dihina dan dipandang rendah oleh Suhaili, namun Zahar tidak mudah berasa marah sebaliknya berazam untuk menjadi usahawan perabot suatu hari nanti.

(iii) **Novel Jejak MONPUS**

Watak: Zahar

- Perwatakan: Penyayang
Zahar sangat menyayangi ibunya. Dia sanggup berulang-alik dari rumah ke universiti pada setiap hari kerana tidak mahu ibunya keseorangan di rumah.
- Perwatakan: Bijak
Dia seorang yang bijak kerana penyelidikannya sering mendapat pengiktirafan. Di samping itu, Zahar juga mendapat anugerah Biasiswa Canselor di Universiti Oxford.
- Perwatakan: Mencintai alam semula jadi
Zahar mempunyai makmal sendiri untuk memelihara spesies ulat bulu dan rama-rama. Selain itu, dia juga berjaya membuat penemuan dan menghasilkan racun serangga yang diberi nama MONPUS untuk membunuh ulat bulu yang berbahaya yang menyerang penduduk kampung, tanaman, dan binatang ternakan.

(iv) **Novel Darah Titik di Semantan**

Watak: Datuk Bahaman

- Perwatakan: Gigih
Datuk Bahaman tetap meneruskan perjuangannya menentang penjajah walaupun pihak Inggeris berjaya memaksa sultan untuk mengisytiharkan Datuk Bahaman sebagai penderhaka.
- Perwatakan: Bijak
Datuk Bahaman bijak mengatur strategi bersama-sama pengikutnya untuk memerangi penjajah Inggeris seperti menyerang rumah pasung Jerantut dan merentangkan rantai besi di sungai untuk menewaskan musuh.
- Perwatakan: Berani
Datuk Bahaman telah kembali ke Lubuk Terua seorang diri setelah mendapat tahu bahawa pihak Inggeris membakar kampung-kampung di Semantan. Dia telah berjaya membunuh banyak mata-mata Inggeris walaupun seorang diri.

Bahagian C

1. Penggunaan pelitup mulut dan hidung merupakan langkah yang baik bagi mengelakkan penularan COVID-19. Hal ini demikian kerana, pelitup mulut dan hidung ini dapat menghalang penyebaran virus melalui titisan cecair yang terhasil daripada percikan air liur ketika bercakap atau batuk. Walau bagaimanapun, rakyat Malaysia harus tahu akan cara-cara untuk membuang pelitup mulut dan hidung itu dengan betul dan selamat. Mula-mula, putus tali di bahagian tepi pelitup mulut dan hidung tersebut. Tali ini harus diputuskan

supaya pelitup mulut dan hidung ini tidak digunakan semula. Selepas itu, lipat pelitup mulut dan hidung itu ke arah dalam dan ikat gulungan tadi dengan menggunakan tali yang diputuskan itu. Buang gulungan tersebut ke dalam tong sampah yang bertutup. Selepas dibuang, individu yang membuang pelitup mulut dan hidung itu perlu membersihkan tangan menggunakan pensanitasi atau sabun.

2. Penggunaan antibiotik amat berkesan untuk merawat penyakit yang disebabkan oleh kuman. Antibiotik mampu mengawal penyakit dan menyelamatkan nyawa pesakit. Antibiotik penting untuk menyembuhkan penyakit yang dihidapi kanak-kanak. Walau bagaimanapun, antibiotik tidak berkesan terhadap jangkitan virus, seperti demam biasa, selesema, dan cirit-birit. Dalam pada itu, penggunaan antibiotik yang sempurna dan tepat dapat menghapuskan bakteria secara lengkap. Hal ini dapat mengelakkan jangkitan daripada berulang. Pastikan antibiotik diambil secara lengkap seperti yang diarahkan oleh doktor biarpun penyakit seseorang itu bertambah baik. Penggunaan antibiotik masih ada kesan sampingannya namun tidak membahayakan.

KERTAS 2 (02 / 2)

Bahagian A

Sektor pelancongan merupakan sumber pendapatan negara yang penting. Namun begitu, pandemik COVID-19 yang melanda dunia ini telah menjejaskan industri pelancongan negara. Oleh itu, semua pihak haruslah mengatur langkah yang lebih proaktif dan pragmatik untuk memastikan industri pelancongan negara terus rancak.

Antara langkah-langkah yang pragmatik yang dapat dipraktikkan untuk memajukan sektor pelancongan di negara kita ialah mengadakan promosi dengan tawaran diskaun 50 hingga 80 peratus bagi pakej penginapan yang disediakan. Di samping itu, pihak kerajaan juga harus menggunakan platform media sosial untuk membuat promosi program-program pelancongan yang dijalankan di seluruh negeri. Pelbagai info lengkap tentang sesuatu destinasi menarik yang terdapat di negara kita, khususnya di tempat-tempat baharu yang dikenal pasti boleh menjadi daya tarikan yang menguntungkan. Dalam pada itu, pusat-pusat pelancongan dan juga kerajaan haruslah menaik taraf fasiliti pelancongan seperti pengangkutan, perhubungan, tempat penginapan, serta rekreasi untuk merangsang pelancongan domestik.

Kesimpulannya, usaha yang holistik dan komitmen daripada semua pihak perlu dijalankan secara sistematik dan tidak hanya melepaskan batuk di tangga.

Bahagian B

1. Pendahuluan:

pada 20 Mei yang lalu, sekolahku mengadakan Karnival Kokurikulum – tujuan karnival ini adalah untuk membangkitkan semangat murid supaya sentiasa bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum disamping membentuk sahsiah diri dan sentiasa bekerjasama dan bersatu padu – sebagai ahli Persatuan Bahasa Melayu, aku ditugaskan untuk menjaga gerai jualan amal

Isi-isi penting:

- (a) saya dan rakan-rakan berkumpul di gerai pada pukul 7.00 pagi – suasana riuh-rendah di padang sekolah – kibaran bendera yang berwarna-warni – aku dan rakan-rakan

menyusun barang jualan kami – pelbagai barangan terpakai seperti pakaian, barang perhiasan, buku-buku dan lain-lain peralatan ada dijual digerei kami

- (b) sambil menyusun barangan jualan – kami mendengar ucapan perasmian oleh pengetua sekolah – semasa aktiviti senam robik dijalankan – suasana di padang ketika itu sungguh meriah
- (c) pada pukul 9.00 pagi, gerai kami mula menjadi tumpuan – buku-buku dan barangan perhiasan menjadi rebutan murid-murid – murid-murid perempuan rambang mata apabila melihat barangan perhiasan yang cantik-cantik
- (d) semasa rehat, aku ke dewan sekolah untuk menyaksikan pertandingan foto kreatif – terpegun oleh aku apabila melihat foto-foto yang dipertandingkan – sangat cantik dan kreatif sekali – seperti diabadikan oleh jurufoto yang profesional – aku melihat beberapa orang guru sedang menilai foto-foto yang dipertandingkan

Penutup:

pada pukul 1.00 tengah hari, barang-barang jualan kami habis dijual – aku dan rakan-rakanku pun mengemas tapak jualan – mengutip sampah dan menyapu sampah – jumlah kutipan dana yang kami peroleh telah melebihi sasaran

2. Pendahuluan:

sekolah merupakan satu institusi penting – mendidik murid – untuk mempelajari mata pelajaran akademik – diwajibkan menyertai aktiviti kokurikulum – banyak kebaikan

Isi-isi penting:

- (a) mendidik murid menggunakan masa senggang secara berfaedah – tidak mempunyai masa untuk melepak dan terlibat dalam gejala negatif – menghargai masa
- (b) persatuan dan kelab menjalankan pelbagai aktiviti – menambahkan pengetahuan dan pengalaman – membantu murid melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan – cemerlang dalam pelajaran
- (c) melalui aktiviti kokurikulum dapat merapatkan hubungan antara murid – menanam sikap bekerjasama dan saling membantu – hormat-menghormati – asas penting bagi mengeratkan perpaduan dalam kalangan generasi muda
- (d) dapat melahirkan generasi yang berakhlak, berdisiplin, menepati masa, berpakaian kemas, dan mentaati pemimpin – generasi yang berakhlak dan berdisiplin penting – meneraju negara pada masa akan datang

Penutup:

penglibatan dalam aktiviti kokurikulum – membentuk jati diri murid – menjadikan murid sebagai modal insan yang dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara

3. Pendahuluan

tajuk laporan – Karnival Kokurikulum diadakan di padang sekolah – pada 20 Mei 2020 – bermula pada pukul 8.00 pagi dan berakhir pada pukul 2.00 petang – tujuan karnival – membangkitkan semangat murid-murid supaya sentiasa bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum disamping membentuk sahsiah diri dan sentiasa bekerjasama dan bersatu padu

Isi-isi penting:

- (a) karnival dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh pengetua sekolah – merasmikan karnival – selepas perasmian – acara senam robik diadakan – mendapat sambutan hangat daripada guru-guru dan murid-murid
- (b) pertandingan kawad kaki antara unit beruniform diadakan – merupakan salah satu aktiviti asas dalam unit-unit beruniform seperti Pengakap, Bulan Sabit Merah Malaysia, Pandu Puteri, Puteri Islam, Kadet Remaja Sekolah, Kadet Bomba, dan Kor Kadet Polis – menambahkan pengetahuan asas tentang kemahiran kawad kaki – para peserta boleh mengaplikasikan kemahiran dalam satu-satu pasukan untuk memenangi pertandingan yang diadakan
- (c) pertandingan foto kreatif turut diadakan – mendapat sambutan yang hangat – bertemakan alam sekitar – peserta perlu menghantar penyertaan mereka kepada pihak penganjur bersama dengan borang penyertaan mereka
- (d) jualan amal juga diadakan – pelbagai barangan terpakai seperti pakaian, barang perhiasan, buku-buku, dan lain-lain peralatan telah dijual pada harga serendah RM2 – makanan dan minuman turut dijual – semua keuntungan yang diperolehi akan diagihkan kepada murid-murid yang memerlukan bantuan

Penutup:

karnival ini telah mencapai kejayaan – mendapat kerjasama yang baik daripada pihak penganjur – diharap aktiviti ini dapat dijayakan lagi pada masa hadapan